

BAB III

KERAJAAN ISLAM YANG PERNAH MUNCUL DI ACEH

BAB III

KERAJAAN ISLAM YANG PERNAH MUNCUL DI ACEH

3.1. Kerajaan Islam Perlak¹ di Aceh Timur

Telah dicatat dalam sejarah bahawa hubungan perdagangan antara Arab, Parsi, Eropah dan lain-lain dengan Nusantara ini sudah pun berjalan sebelum kedatangan Islam lagi. M. Arifin Amin mengutip Maharaja Onggang Parlindungan pengarang buku *Tuanku Rao* yang menyebutkan sebelum lahir nabi Muhammad s.a.w bahkan sebelum lahir 'Isā a.s, orang-orang Parsi (sebelum Islam) telah mengadakan hubungan perdagangan lewat jalan laut dengan Tiongkok.² Dalam pada itu sebahagian pedagang Arab, Parsi telah berjaya membina perkampungan di rantau Asia ini. Antaranya di Perlak, Aceh Timur.

Untuk tempat persinggahan kapal mereka mendirikan *Rendezvous* (tempat bertemu di tepi pantai) di Bombay India dan di Perlak Aceh. Perlak dalam bahasa Parsi disebut sebagai *Taj Alam* yang membawa maksud mahkota alam. Ketika itu Perlak adalah sebuah kerajaan yang masyhur di kalangan saudagar-saudagar Arab-Parsi kerana letak pelabuhannya yang strategik. Yang menjadi Raja Perlak ketika itu ialah Maharaja Syahir Nuwi yang berdarah Parsi campuran Siam.³

¹ Perlak adalah nama pohon kayu yang digunakan untuk dibuat perahu oleh para nelayan. Orang-orang Aceh menyebutnya sebagai *Bak Pereulak*. Lihat. Hasan Muhammad Ambary (1980), "Mencari Jejak Kerajaan Islam Tertua di Indonesia (Perlak)", (*Kertas Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara, Di Aceh Timur 25-30 September 1980*), h. 6. Ali Hasyimi *et.al* (1980), "Sejarah Kerajaan Islam Perlak" (*Kertas Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara Di Aceh Timur 25-30 September 1980*), h. 8.

² Tgk. M. Arifin Amin *et.al* (1972), "Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh" (*Kertas Seminar Sejarah Masuknya Islam di Aceh Timur 1972*), h. 12.

³ Ali Hasyimi (1978), "Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-Kerajaan Islam Di Aceh", (*Kertas Seminar Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh, Banda Aceh, Juli 1978*), h. 5.

Pada masa pemerintahan Khalifah 'Umar Ibn Khattāb 13-24 H/634-644 M, Parsi dapat ditakluki dan rakyatnya diislamkan. Oleh itu orang-orang Arab dan Parsi yang berada di Perlak ketika itu ikut memeluk Islam juga.⁴ Bahkan ketika terjadi peristiwa peperangan antara 'Alī ibn Abī Tālib dengan Mu'awiyah ibn Abī Sūfyan banyak pengikut 'Alī yang disebut sebagai 'Alawiyin melarikan diri dari Tanah Arab. Terdapat pengikut 'Alī yang melarikan diri ke Nusantara sampai ke negeri Perlak iaitu 'Alī ibn Muḥammad ibn Ja'far Ṣiddiq ibn Muḥammad al-Bāqir ibn Zainal 'Abidin ibn Husen ibn 'Alī ibn Abī Tālib.⁵

Kedatangan beliau disambut baik oleh Maharaja Syahir Nuwi dan rakyat Perlak. Kerana beliau berasal dari dua keturunan bangsawan terhormat iaitu 'Alī ibn Abī Tālib dan Fātimah binti Rasulullah, maka Maharaja Syahir Nuwi mengahwinkan 'Alī ibn Muḥammad dengan adik kandungnya Puteri Makhdum Tansyuri.⁶ Dalam perkahwinan bangsawan Qurasy dengan bangsawan Perlak ini dianugerahkan seorang Putera yang diberi nama 'Abdul 'Aziz. Setelah itu, 'Abdul 'Aziz pula dikahwinkan dengan Puteri Meurah⁷ Makhdum Khudawi atau Puteri Perlak.⁸

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*, h. 18.

⁶ Team Sejarah Aceh Timur (1980), "Masuknya Islam di Peureulak A. Timur dan Perkembangannya", (*Kertas Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara Di Aceh Timur 25-30 September 1980*), h. 5.

⁷ Meurah di sini bermaksud Bangsawan Pribumi atau Raja-raja. Lihat. Hasan Muhammad Ambary (1980), *Mencari Jejak Kerajaan Islam Tertua di Indonesia (Perlak)*, h. 5. A. Hasyimi et.al (1980), *Sejarah Kerajaan Islam Perlak*, h. 12.

⁸ Team Sejarah Aceh Timur (1980), *op.cit.*, h. 6.

Pada tahun 173 H/790 M atau pada abad ke I Hijriah bersamaan 8 M, dicatat dalam sejarah bahawa Khalifah Ḥārūn al-Rāsyid, Khalifah Bani 'Abbāsiyah menghantar satu armada dakwah berjumlah seratus (100) orang yang terdiri dari bangsa Arab, Parsi (Iran sekarang), dan India ke Bandar Perlak. Rombongan tersebut dipanggil sebagai Nakhoda Khalifah.⁹ Kedatangan Nakhoda Khalifah ini disambut baik oleh Maharaja Syahir Nuwi.

Dengan kehadiran rombongan dakwah ini telah menguatkan lagi bibit Islam dalam jiwa rakyat Perlak. Ini merupakan usaha lanjutan dari proses islamisasi rakyat Perlak yang memang telah bermula sejak masa Khalifah 'Umar Ibn Khāṭṭab. Sebagai hasil dari pengaruh Islam yang begitu cepat dalam masyarakat Perlak, maka pada hari Selasa, 1 Muharram, tahun 225 H /840 M, Maharaja Perlak mengishtiharkan secara rasmi bahawa kerajaannya menjadi kerajaan Islam yang pertama di Asia Tenggara.¹⁰

Yang menjadi Raja pertama ditabalkan menantunya iaitu 'Abdul 'Aziz dengan gelaran Sultan 'Alaiddin Mualana 'Abdul 'Aziz Syah.¹¹ Pada hari perasmian beliau Bandar Perlak ditukar menjadi Bandar Khalifah¹² sempena kepada rombongan Nakhoda Khalifah yang telah berperanan mengembangkan Islam di Perlak. Bandar Khalifah begitu terkenal di kalangan para pedagang Arab

⁹ A. Hasyimi et. al (1980), *op.cit.*, h. 4. Lihat juga, Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara (Khususnya Di Tanah Melayu)*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah Dan Kebajikan Malaysia, h. 89.

¹⁰ Tgk. A.K. Jakobi (1998), *Aceh Dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 Dan Peranan Teuku Hamid Azwar Sebagai Pejuang*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama kerjasama dengan Yayasan Seulawah RI-001, h. 17-18.

¹¹ M. Yunus Djamil (1968), *Tawarikh Raja-raja Kerajaan Atjeh*. Banda Aceh: Kodam I Iskandar Muda, h. 5. Lihat, A. Hasyimi et. al (1980), *Sejarah Kerajaan Islam Perlak*, h. 19.

¹² Bandar Khalifah terletak di Aceh Timur 6 Km dari Kota Perlak sekarang.

dan non Arab, kerana ia telah menjadi pelabuhan penting dan tempat persinggahan mereka dalam perjalanan ke China atau balik ke Asia Barat.¹³

Begitu ia diisytiharkan menjadi sebuah kerajaan Islam dengan sendirinya Perlak menjadi pusat perdagangan Islam Nusantara. Meskipun demikian Perlak mencapai kejayaan dan kemajuannya bermula pada pertengahan abad ke 9 M, suatu keadaan yang lebih maju berbanding daerah-daerah lain di Sumatera zaman itu. Ini telah dibuktikan oleh Marco Polo, sebagai mana ia menyebutkan "Perlak selalu didatangi oleh saudagar-saudagar *Saracen*¹⁴(Muslim) yang membawa penduduk Bandar ini memeluk undang-undang Muhammad (*The Law of Muslim*).¹⁵

Pada masa Sultan 'Abdul 'Aziz Syah (840-864 M), sistem pentadbiran kerajaan Perlak telah tersusun dengan rapi. Menurut sejarah ia bercirikan organisasi kerajaan 'Abbāsiyah. Para Sultan Perlak sangat ambil berat dalam bidang pendidikan. Ini dibuktikan dengan ditubuhkan sebuah institusi pendidikan Islam *Zawiyah Buket Cibrek*¹⁶ yang dirasmikan pada tahun 865 M.¹⁷ Menurut sejarah ia merupakan lembaga pendidikan Islam tertua di Asia Tenggara. Kejayaan ini dicapai pada masa pemerintahan Sultan 'Alaiddin Maulana 'Abdur

¹³ A. Hasyimi (1993), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Indonesia*. Bandung: PT. Al-Ma'arif, h. 201.

¹⁴ Istilah *Saracen* asalnya bermaksud orang-orang Arab, kemudian ia digunakan bagi saudagar-saudagar yang beragama Islam. Lihat, Mohd. Dahlia Mansoor (1979), *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 136.

¹⁵ A. Hasyimi (1993), *op.cit.*, h. 200.

¹⁶ *Buket* di sini bermaksud Bukit. Buket Cibrek adalah nama sebuah kampung di Perlak , Aceh Timur.

¹⁷ Arifin Amin (1972), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh.*, h. 22.

Rahim Syah yang memerintah dari (864-888 M), Sultan kedua kerajaan Islam Perlak. Pada masa pemerintahan Sultan Sayyid Maulana 'Abbas Syah yang memerintah dari tahun 888-913 M, Sultan ke III Perlak, dicatat satu lagi kegemilangan dengan ditubuhkan lembaga pendidikan kedua iaitu *Zawiyah Cot Kala* Perlak yang dirasmikan pada tahun 899 M¹⁸

Dalam bidang pertanian, Perlak telah dapat menghasilkan seperti lada, rotan dan lain-lain untuk dikomersilkan. Dalam bidang industri pula telah mula menampakkan kejayaannya iaitu dengan dapat mengeluarkan emas yang dihasilkan di sebuah daerah yang disebut sebagai *Alue Meuh* atau sungai Emas. Selain itu, bidang seni pula rakyat Perlak telah dapat menghasilkan ukiran seni yang indah seperti gading gajah, kayu dan lain-lain, yang mendapat sambutan baik dari pedagang asing. Semua ini merupakan faktor kemajuan bagi Perlak menurut zaman itu.

Namun demikian, pada akhir pemerintahan Sultan ke III iaitu Sultan'Alaiddin Maulana Sayyid 'Abbas Syah, kerajaan Perlak mula timbul persengketaan dalaman. Peristiwa ini menyebabkan populariti Perlak sedikit menurun. Ia bermula apabila pulangnya salah seorang keluarga Meurah¹⁹Perlak dari Mekkah iaitu Meurah 'Abdul Kadir Syah. Beliau bermazhab Syafi'e dan

¹⁸ *Ibid.*, h. 23.

¹⁹ *Meurah* berasal dari kata *Mohrat* bermaksud Maharaja atau Raja-raja. Lihat Hasan Muhammad Ambary (1980), "Mencari Jejak Kerajaan Islam Tertua di Indonesia (Perlak)" (Kertas Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara, Di Aceh Timur, 25-30 Sepetember 1980), h. 7.

fahaman *ahli Sunnah wal jamā`ah*. Oleh itu timbul persengketaan antara fahaman *ahli Sunnah wal jamā`ah* dengan *Syī`ah* yang sudah lama memerintah Perlak.²⁰

Peristiwa ini berlanjutan hingga ke masa pemerintahan Sultan Sayyid Maulana 'Ali Mughayat Syah. Untuk mengatasi keadaan yang semakin genting ketika itu, maka negeri Perlak terpaksa dibahagi menjadi dua daerah pemerintahan, iaitu:²¹

- i. Perlak bahagian Baroh (Utara) di bawah pimpinan Sayyid Maulana dengan ibukotanya Bandar Khalifah.
- ii. Perlak bahagian Tunong (Selatan) di bawah pimpinan Makhdum Meurah 'Abdul Kadir Syah dengan pusat pemerintahannya Bandar Tualang.

Pada ketika itu kerajaan Islam Perlak yang telah terbahagi kepada Utara dan Selatan atau yang disebut juga sebagai Perlak Daratan dan Perlak Pesisir diperintah oleh dua Dinasti, masing-masing *Dinasti 'Aziziyah*²² dan *Dinasti Makhdum* yang diasaskan oleh Meurah 'Abdul Kadir Syah. Pada masa pemerintahan Makhdum 'Abdul Malik Syah Johan Berdaulat dari 966-973 M, Sultan Perlak ke VII, sekali lagi terjadi huru-hara yang hebat. Namun ianya dapat diselesaikan dengan suatu perjanjian damai yang disebut *Perjanjian Alue Meuh*,

²⁰ A. Hasyimi (1993), *Syī`ah dan Ahlusunnah Saling Rebut Pengaruh di Kepulauan Nusantara*. Surabaya: t.p., h. 46.

²¹ *Ibid.*

²² Dinasti Aziziyah adalah era Pemerintahan Sayyid Maulana sebagai pengasas kerajaan Perlak yang memerintah selama 148 tahun bermula 840-988 M. Dinasti Makhdum bermula sejak pemerintahan Makhdum Meurah 'Abdul Kadir Syah atau era Pemerintahan Raja-raja pribumi yang memerintah sampai berakhirnya kerajaan Perlak. Lihat, Hasan Muhammad Ambary (1980), *op.cit.*, h. 6.

pada tarikh 10 Muharram 353 H/963 M. Butiran perjanjian adalah sebagai berikut:²³

- i. Kedua belah pihak tidak boleh angkat senjata.
- ii. Dinasti 'Aziziyah memerintah Perlak Baroh.
- iii. Dinasti Makhdum memerintah Perlak Tunong.
- iv. Hubungan luar negeri harus di bawah satu pimpinan, dalam hal ini diserahkan kepada Sultan 'Abdul Malik Syah.

3.1.1. Serangan Sriwijaya

Penyerangan Sriwijaya ke atas Perlak berlaku kerana Sultan Perlak menolak permintaan Sriwijaya agar kerajaan Perlak tunduk di bawah Sriwijaya dan membayar ufti kepada mereka. Team Sejarah Aceh Timur mengutip isi surat penolakan tersebut dari kitab *Idhārul Haq fī Mamlakatil Peureulak* karangan Abu Ishak al-Makarany al-Pasy. Butiran surat tersebut seperti berikut:

Paduka Tuan Sriwijaya,

Telah maklum adanya surat Paduka Tuan, sayang kami tidak dapat kabulkan permintaan Paduka Tuan. Tidak sah hukumnya kami orang Islam harus tunduk kepada agama Budha, bila perang diperlukan kami menanti.

*Sulthan Alaidin Sayid Maulana Mahmud Syah
Kerajaan Negeri Peureulak
10 Muharram 375 H=985 M.²⁴*

Kemakmuran negeri Perlak membuat Maharaja kerajaan Sriwijaya di Palembang Sumatera Selatan menyerang Perlak pada tahun 375 H bersamaan

²³ A. Hasyimi (1993), *op.cit.*, h. 25-26.

²⁴ Dikutip daripada kitab *Idhārul Haq Fī Mamlakatil Peureulak* karangan Abu Ishak Makarani al-Pasy yang disalin ulang oleh T. Muhammad 1950, tidak diterbitkan. Lihat, Team Sejarah Aceh Timur (1980), *op.cit.*, h. 8

tahun 988 M,²⁵ ditambah lagi kerana iri hati Sriwijaya atas perkembangan Islam di Perlak dengan begitu cepat. Pada hari Ahad bulan Zulhijjah 377 H Sultan 'Alaiddin Sayyid Maulana Mahmud Syah di Perlak Baroh meninggal dunia akibat serangan tersebut. Dengan itu kerajaan Perlak dikuasai sepenuhnya oleh Sultan Makhdum Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat di Perlak Tunong dan terus bangun menentang Sriwijaya.²⁶

3.1.2. Era Kemerosotan

Berpunca dari ketidakstabilan politik dalaman, kerajaan yang terpaksa dibahagikan kepada Perlak Tunong dan Perlak Baroh membuatnya lemah. Peperangan dengan Sriwijaya yang berjalan selama tiga tahun menjadi kerajaan Perlak mundur. Perang ini berakhir apabila Sriwijaya terpaksa meninggalkan Perlak pulang ke Palembang bagi menghadapi ancaman serangan Dharma Wangsa Raja Mataram dan serangan Indra Cola dari India. Dengan berakhirnya pendudukan Sriwijaya ke atas Perlak, kerajaan dapat disatukan kembali.

Raja terakhir yang memerintah Perlak ialah Sultan Makhdum Malik 'Abdul 'Aziz Syah 662-692 H/1263-1292 M. Walapun masih bertahan tetapi kondisinya semakin lemah. Selanjutnya kerajaan Perlak disatukan menjadi federasi di bawah kerajaan Samudera Pasai di Geudong Aceh Utara pada abad ke 7 H/13 M. Untuk lebih lengkap tentang kesultanan Perlak pengkaji sertakan lampiran silsilah Raja-raja kerajaan Perlak. Lihat lampiran. VIII.

²⁵ *Ibid*, h.27.

²⁶ A. Hasyimi (1993), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, h. 200.

3.2. Kerajaan Islam Pasai di Aceh Utara

Setelah dua ratus tahun pusat tamadun Islam yang bertapak di Bandar Khalifah Perlak, berpindah ke Samudera Pasai.²⁷ Kerajaan Islam Samudera Pasai merupakan kerajaan Islam kedua yang pernah muncul di Aceh. Ia bukanlah kerajaan pertama di Aceh sebagai yang didakwa oleh sebahagian ahli sejarah. Kerajaan Samudera Pasai berdiri pada tahun 433 H/1042 M, bukannya pada tahun 1297 M seperti yang terdapat dalam sesetengah buku sejarah. Kerana tahun itu merupakan tahun wafatnya Sultan Malik al-Saleh Raja Pasai.

Mengikut cacatan sejarah pengasas kerajaan Pasai adalah Meurah Khir yang lebih dikenali dengan Meurah Giri.²⁸ Beliau adalah salah seorang kerabat Sultan Mahmud Syah Sultan ke IX kerajaan Islam Perlak. Meurah Giri telah melarikan diri ke hulu sungai Pasai menghindari serangan Sriwijaya ke atas Perlak. Beliau berjaya membangunkan daerah Pasai dan kemudian beliau ditabalkan menjadi raja Pasai dengan gelar Maharaja Mahmud Syah yang memerintah tahun 433-470 H/1042-1078 M²⁹

3.2.1. Dinasti Meurah Giri

Perjuangan Baginda dalam membangunkan Pasai telah membawa nama Samudera Pasai terkenal di persada dunia ketika itu. Setelah baginda meninggal dunia kerajaan Pasai diperintah oleh Maharaja Mansour Syah 470-527 H/1078-

²⁷ Menurut sebahagian catatan sejarah nama Samudera adalah asal kepada nama Sumatera.

²⁸ Yunus Djamil (1968), *Tawarikh Raja-Raja Kerajaan Atjeh*, h. 10.

²⁹ Arifin Amin (1972), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh*, h. 28.

1133 M.³⁰ Pada masa ini struktur pemerintahan sudah tersusun dengan baik. Pengganti raja Pasai selanjutnya ialah Maharaja Ghiyasyuddin Syah 527-550 H/1133-1155 M.³¹ Baginda adalah cucu kepada Meurah Giri. Pada masa baginda kuasa politik Pasai telah dapat diperluaskan ke daerah-daerah sekitarnya dan pada masa yang sama baginda juga berjaya membangun satu lagi bandar yang terletak di tepi laut yang dipanggil sebagai Bandar Salasari³² yang terkenal dalam sejarah.

Pada akhir pemerintahan Ghiyasyuddin Syah tahun 548 H, seorang ulama' dari tanah Arab iaitu Syiekh Ismā'il al-Ramalī serta rombongan yang sedang dalam perjalanan pulang dari kunjungan ke Perlak singgah di Bandar Salasari Pasai. Di sana rombongan ini menyaksikan bahawa kerajaan Pasai telah ada sistem pemerintahannya sendiri. Kuasa politik selanjutnya dipimpin oleh Maharaja Nurdin al-Kamil 550-607 H/1155-1210 M. Kemajuan politik di masa baginda semakin betambah baik. Bahkan sebelum beliau ditabalkan menjadi Sultan, baginda telah berjaya membangun negeri Geudoung, Blang Me dan Blang Priya. Sebuah pelabuhan penting bagi Pasai yang dikenali sebagai pelabuhan "Syarha" juga atas usaha baginda.³³

Untuk mengenali kerajaan ini di masa baginda memerintah, seorang ulama' Islam keturunan Arab Abdullah 'Arif (disebut Syarif Mekkah) tiba di Samudera Pasai untuk menyaksikan sendiri perkembangan Islam di negeri ini. Sempena atas kedatangannya ke Pasai beliau mengabadikan panggilan Sultan

³⁰ Yunus Djamil (1968), *op.cit.*

³¹ *Ibid.*

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

Nurqin dengan al-Kamil sebagai ingatan beliau terhadap seorang pahlawan besar Islam di Mesir yang sedang menghadapi perang salib ketika itu.³⁴

Dengan itu kerajaan Pasai namanya semakin dikenal, sehingga banyak ulama'-ulama' besar dari berbagai negara Islam termasuk Nusantara datang ke Pasai dan menjadi penduduk di sana. Banyak di antara mereka yang menjadi orang penting dalam pemerintahan Sultan al-Kamil. Antara mereka, Wazir Maulana Qutubul Ma'ali 'Abdur Rahman al-Pasy (m. 610 H). Seorang lagi diangkat oleh Baginda menjadi panglima perang kerajaan iaitu Qaidul Mujahidin Maulana Naina ibn Naina al-Malabary (m. 623 H). Syeikh Yakub seorang ulama' besar Blang Priya diangkat sebagai pembesar kerajaan (m. 630 H).³⁵

Namun kerajaan Pasai setelah kehilangan Sultan Nordin al-Kamil pada hari Ahad 7 Jumadil Awal 607 H, keadaan kerajaan Pasai menjadi kacau-bilau. Ini di sebabkan beliau tidak meninggalkan penggantinya. Pembesar-pembesar kerajaan saling memperebutkan kekuasaan. Keadaan ini berlarutan selama 51 tahun. Dengan kemangkatan Sultan ini berakhirlah Dinasti Meurah Khir sebagai penguasa dalam kerajaan Pasai.³⁶

3.2.2. Era Meurah Silu

Setelah lima puluh satu tahun kerajaan Pasai tidak memerintah dan berada dalam keadaan kacau bilau, tibalah Meurah Silu (nama asal Sultan Malik al-

³⁴ *Ibid.*

³⁵ A. Hasyimi (1983), *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*, Jakarta: Penerbit Beuna, h. 48.

³⁶ Yunus Djamil (1968), *op.cit.*, h. 12.

Saleh) ke dataran Samudera Pasai. Kedatangan beliau ini disambut baik oleh rakyat Samudera Pasai. Pertikaian politik dalam kerajaan dapat diselesaikan dengan damai. Pada tahun 659 H, rakyat Samudera Pasai memilihnya menjadi raja Pasai dengan gelar Sultan Malik al-Saleh yang memerintah tahun 659-688 H/1261-1289 M.³⁷ Setelah naik tahta baginda memperisterikan Puteri Perlak, anak Sultan Muhammad Amin Syah dari kerajaan Perlak³⁸

Meurah Silu (Malik al-Saleh) anak kepada Meurah Singkong (Makhdum Malik 'Abdullah) dia anak kepada Meurah Silo (Makhdum Malik Ibrahim) ia anak kepada Meurah Isak (Makhdum Malik Mesir) dia anak kepada Sultan Makhdum Malik Ibrahim Syah Johan Berdaulat Sultan kerajaan Perlak yang memerintah tahun 365-402 H/976-1012 M³⁹ Ini sekaligus menjadi jawapan kepada sebahagian ahli sejarah yang mengatakan bahawa Meurah Silu adalah seorang yang beragama Hindu dan kemudian diislamkan oleh Syeikh Ismā'īl dari Mekkah.⁴⁰

Berdasarkan catatan ahli sejarah tempatan bahawa pendapat yang mengatakan Meurah Silu seorang Hindu adalah bersifat dongeng yang tak berdasar. Pengkaji sepandapat bahawa Meurah Silu adalah Muslim tulen, kerana tidak mungkin membina sebuah kerajaan Islam serta merta hanya setelah Baginda diislamkan. Ditambah lagi orang-orang kanan baginda ketika itu semuanya Muslim, seperti Seri Kaya Said Ghyasyuddin sebagai Perdana Menteri, Said

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ Rossell Jones (1999), *Hikayat Raja-Raja Pasai* (terj). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Bakti, h. 14-17.

Maulana 'Ali bin al-Makarany sebagai Syeikhul Islam, Bawa Kaya 'Ali Hisamuddin al-Malabary sebagai Menteri Luar.⁴¹

Adapun kunjungan Syarif Mekkah ke Pasai yang diketuai oleh Syeikh Isma'il al-Zarfy untuk melihat sendiri kemajuan Pasai dari segi Islam, politik, sosial ekonomi dan kebudayaan. Mereka mendapatkan bahawa kerajaan Pasai telah begitu maju dan makmur, rakyatnya bermazhab Syafi'e dan berakidah ahlu sunnah wal jam'a'ah.⁴² Dengan itu, Syarif Mekkah mengisbatkan gelaran Malik al-Saleh kepada Meurah Silu sempena kepada Raja Mesir yang sedang menghadapi perang salib dan dihadiahkan sebuah Quran bertinta emas kepada Sultan Malik al-Saleh.⁴³ Di sini jelas bahawa Syarif Mekkah menghadiahkan Quran kepada Sultan bukannya mengajar Quran yang kononnya baginda tidak tau membaca Quran sebelumnya seperti didakwa oleh sesetengah sejarawan.

Sebelum baginda Sultan Malik al-Saleh wafat pada tahun 1292 M baginda telah mengangkat Puteranya Muhammad dengan gelar Sultan Muhammad Malik al-Zahir (1291-1326 M) yang lebih terkenal dengan Al-Malik al-Zahir I. Setelah baginda mangkat digantikan oleh Sultan Ahmad Malik al-Zahir (1326-1348 M) yang lebih terkenal dengan Malik al-Zahir II.⁴⁴ Pada masa pemerintahan baginda Pasai dikunjungi oleh Ibnu Batutah yang memuji kehebatan Sultan dan

⁴¹ *Ibid.*, h. 13.

⁴² Muhammad Said (1961), *Atjeh Sepanjang Abad*. Medan: Waspada, h. 13. Lihat juga, Yunus Djamil (1968), *Tawarikh Raja-raja Kerajaan Atjeh*, h. 13.

⁴³ Yunus Djamil (1961), *op.cit.*, h. 13.

⁴⁴ HAMKA (Edisi Baru), *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 703-704.

menjelaskan baginda seorang yang saleh bermazhab Syafi'i, berfahaman Ahlu Sunnah wal Jama'ah dan cintakan ilmu pengetahuan.⁴⁵

3.2.3. Ancaman Siam

Muhammad Said dalam bukunya *Atjeh Sepanjang Abad* menyebut sudah terjadi penculikan yang dilakukan oleh utusan Siam terhadap Sultan Pasai.⁴⁶ Beliau tidak menyebutkan siapa Sultan yang diculik dan tidak pula dijelaskan tahunnya. Tetapi buku *Tawarich Raja-Raja Atjeh* menyebutkan bahawa yang diculik adalah Sultan Zainal 'Abidin Malik al-Zahir (1350-1394).⁴⁷ Sementara HAMKA mendedahkan kronologi penculikan, bahawa utusan Siam menyamar dan menyusup ke dalam 4000 Hulu Balang Pasai dengan membawa sebuah peti hadiah Raja Siam. Menurutnya Raja yang masih kecil dimasukkan ke dalam peti dan dilarikan ke kapal tanpa diketahui oleh pihak Istana Pasai.⁴⁸

Peristiwa hitam ini membuat Pasai berunding dengan Siam asalkan Sultan dibebaskan dengan selamat. Siam meminta tebusan bunga emas yang cukup banyak, namun Pasai tetap akur dengan tuntutan Siam sehingga Sultan Zainal 'Abidin dibebaskan pada tahun 793 H/1391 M.

⁴⁵ Mahmud Syâkir (1997), *Târîkh al-Islâmi al-Târîkh al-Mu'âsir: al-Qârah al-Hindiah Janûb Syâraqi Asia Maliziyâ wa Andînîsiâ*. Beirut: al-Maktab al-Islâmi, h. 366-367. Lihat juga, 'Âli al-Tantawi (1992), *Sûwwâr min al-Syâraq fi Andînîsiâ*. Jeddah: Dâr al-Mânarah Li al-Nâsyri wa al-Tauzî', h. 106.

⁴⁶ Muhammad Said (1961), *Atjeh Sepanjang Abad*, h. 43.

⁴⁷ Yunus Djamil (1961), *Tawarich Raja-raja Kerajaan Atjeh*, h. 15.

⁴⁸ HAMKA (Edisi Baru), *op.cit.*, h. 706-707.

3.2.4. Serangan Majapahit

Ekstensi kerajaan Pasai setelah ancaman Siam mula menurun. Dalam kondisi itulah Majapahit yang sedang berada di puncak kejayaannya melancarkan serangan ke atas Pasai.⁴⁹ Adapun motif penyerangan ialah disebabkan Puteri Majapahit yang gilakan Putera Raja Pasai tidak kesampaian.⁵⁰ Namun menurut Muhammad Said yang menjadi punca serangan bukan semata faktor perempuan, tetapi kerana Majapahit merasa terancam dengan perkembangan Pasai. Kebebasan perdagangan Majapahit terhambat dari dua hala, pelabuhan Pasai di sebelah Barat, dan Kalimantan di sebelah Timur.⁵¹

Menurut Yunus Djamil, serangan ini terjadi pada tahun 779 H/1378 M. Pihak Majapahit dipimpin oleh Panglima Patih Nala, sedangkan Pasai dipimpin oleh Nagur Rabbath 'Abdul Kadir Syah. Menurutnya lagi, serangan tersebut dilancar dari Pulau Kampay (sekarang Pangkalan Susu) yang pernah ditukar nama oleh Portugis kepada Pangkalan Nala.⁵² Peperangan berjalan selama 11 tahun dan berakhir apabila Majapahit terpaksa ditarik balik ke Jawa kerana Maharaja Prabu Hayam Wuruk meninggal dunia pada tahun 790 H/1389 M.⁵³

⁴⁹ *Ibid.*, h. 706.

⁵⁰ Rossell Jones (1999), *Hikayat Raja-Raja Pasai(terj.)*, h. 56-70.

⁵¹ Muhammad Said (1968), *Atjeh Sepanjang Abad.*, h. 54.

⁵² Yunus Djamil (1961), *Tawarikh Raja-Raja Kerajaan Atjeh*, h. 15.

⁵³ *Ibid.*

3.2.5. Situasi Terakhir Pasai

Setelah Sultan Zainal Abidin dibebaskan dan balik ke Pasai menduduki tahta kerajaan terjadilah perang saudara antara Sultan dan Panglima Nagur Rabbath Abdul Kadir Syah. Puncanya kerana Sultan tidak menghargai jasa Panglima yang telah berjasa mempertahankan kerajaan dari serangan Majapahit. Baginda Sultan meninggal dunia dalam perang ini. Panglima Nagur naik tahta. Tetapi bertahan hanya empat tahun, lalu baginda dibunuh oleh Syahbandar Aria Bakoy atas arahan janda Permaisuri Sultan Zainal Abidin. Tahta kerajaan digantikan oleh Puteri Sultan iaitu Ratu Nihrasiah Rawangsa Chadiyu (801-831 H/1400-1428 M).⁵⁴

Selepas peristiwa ini, Aria Bakoy diangkat menjadi Mangkubumi. Beliau seorang penganut aliran Wahdatul Wujud iaitu suatu fahaman yang mengandungi unsur-unsur tasawuf dan falsafah bermusuhan dengan ahlisunnah waljama'ah kerana perbezaan fahaman. Kerakusan beliau yang ingin berkahwin dengan anak kandung sendiri Puteri Madoong Periya ditentang oleh ulama' Pasai. Seramai 40 orang ulama' ahlusunnah mati terbunuh.⁵⁵ Namun beliau dapat dibunuh oleh Malik Mustafa suami Ratu Nihrasiah dengan bantuan kerajaan Aceh Darussalam. Setelah Ratu Nihrasiah meninggal, kerajaan Pasai akhirnya digabungkan menjadi federasi di bawah kerajaan Aceh Darussalam.⁵⁶ Untuk lebih lengkap pengkaji lampirkan silsilah Raja-raja Pasai. Lihat Lampiran. IX.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 17.

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

3.3. Kerajaan Islam Taimiang di Aceh Timur

Kerajaan Taimiang berdiri pada tahun 580 H/1184 M. Mengikut masa berdirinya bererti ia merupakan kerajaan ketiga di wiliyah Aceh. Rajanya yang pertama sekaligus sebagai pengasas kepada kerajaan Taimiang ialah Meurah Gajah, salah seorang dari keturunan Meurah Perlak.⁵⁷ Raja selanjutnya diperintah oleh beberapa orang raja sebagai pengganti baginda. Apabila digabungkan sumber-sumber catatan sejarah yang ada tentang silsilah Raja-raja Taimiang maka dapat disebutkan seperti berikut:

1. Meurah Gajah	580-599 H/ 1184-1203 M.
2. Raja Sepala	599-609 H/ 1203-1213 M.
3. Raja Pahdi Wangsa	609-638 H/ 1213-1241 M.
4. Raja Muda Dinok	638-678 H/ 1241-1280 M.
5. Raja Malat	678-723 H/ 1280-1323 M.
6. Panglima Empieng Beuso	723-753 H/ 1323-1353 M.
7. Raja Muda Sedia	753-800 H/ 1353-1380 M.
8. Raja Po Malat	1412 M.
9. Raja Po Tunggal	1424-1454 M.
10. Raja Po Kandis	1454-1490 M.
11. Raja Po Garang	1490-1528 M.
12. Pendekar Sri Mengkuta	1528-1558 M. ⁵⁸

⁵⁷ *Ibid.*, h. 18.

⁵⁸ A. Hasyimi (1978), "Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-Kerajaan Islam di Atjeh" (Prasaran Seminar di Banda Aceh), h. 3.

Perkembangan Islam di negeri Taimiang merupakan hasil evolusi dari perkembangan Islam di Perlak. Kesan evolusi ini sangat berasas di mana Perlak dan Taimiang bersebelahan. Oleh kerana itu, Islam telah menjadi sebuah kuasa politik baru yang kuat di Taimiang dan sekitarnya. Kejayaan kerajaan Islam Taimiang terbukti dengan memiliki sebuah masyarakat yang bertamadun dan mempunyai kebudayaan sendiri yang baik.⁵⁹

Pada masa pemerintahan Muda Sedia telah dapat dibuka sebuah perkampungan baru yang dinamakan sebagai negeri Basmani (emas murni). Sebagai sebuah kerajaan ia telah berjaya menyusun organisasi pemerintahan sendiri dengan susunan yang rapi. Sistemnya berbentuk sistem Balai (istilah pada ketika itu). Ia dapat dijelaskan seperti berikut:⁶⁰

- i. Raja dibantu oleh Mangkubumi yang tugas sehari-hari mengawasi jalannya pemerintahan dan bertanggungjawab kepada Raja.
- ii. Diangkat seorang Qadi besar bagi mengawasi pelaksanaan hukum oleh pemerintah dan lembaga-lembaga yang telah dibentuk.
- iii. Dibentuk institusi pertahanan dan keamanan negara.

Perjalanan kuasa politik kerajaan Islam Taimiang di akhir pemerintahan Raja Muda Sedia mengalami masa-masa sulit, apabila pada tahun 799 H/1377 M, ia diserang oleh kerajaan Hindu Majapahit.⁶¹ Angkatan perangnya yang dipimpin oleh Panglima Patih Nala telah dapat menduduki Pulau Kampay yang bersebelahan dengan Taimiang. Adapun punca meletusnya peperangan ini ialah

⁵⁹ Hasyimi (1993), *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*, h. 52.

⁶⁰ *Ibid*, h. 415-419.

⁶¹ OK. Mahmunarrasyid *et.al.* (1980), "Mencari Jejak Awal Perkembangan Islam di Temeyang Aceh Timur", (*Kertas Kerja Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh Dan Nusantara, Aceh Timur 25-30 September 1980*), h. 7-11.

disebabkan Raja Muda Sedia menolak permintaan Majapahit yang mahukan anak Muda Sedia Puteri Linduong Bulen untuk dijadikan sajian Maharaja Majapahit.⁶²

Peperangan ini, pihak kerajaan Taimiang mendapat bantuan kerajaan Perlak dan Pasai. Akhirnya peperangan dapat diakhiri dan tebusan Srikandi Taimiang dapat diselamatkan.⁶³ Adapun catatan sejarah tentang Taimiang setelah meninggalnya Muda Sedia pada tahun 800 H/1398 M, situasi politik kembali kacau bilau. Para pembesar kerajaan saling memperebutkan kuasa yang membawa kepada pecahnya kerajaan Taimiang kepada beberapa kerajaan kecil, antaranya kerajaan Indra, kerajaan Karang dan lain-lain. Pengganti-pengganti setelah Muda Sedia tidak mampu membawa perubahan yang berkesan. Seterusnya di masa Raja Taimiang yang terakhir, kerajaan digabungkan menjadi federasi di bawah kerajaan Aceh Darussalam⁶⁴

3.4. Kerajaan Islam Pidier di Aceh Pidie

Kerajaan Islam ini berdiri pada pertengahan abad 8 H bersamaan abad ke 14 M.⁶⁵ Kerajaan Islam Pidier sebelumnya adalah sebuah kerajaan Hindu/Budha. Ia telah lahir sebagai sebuah kerajaan jauh sebelum tahun Masehi lagi. Pengasasnya adalah Syahir Pauling yang lebih dikenali sebagai Maharaja Syahir

⁶² Yunus Djamil (1968), *Tawarich Raja-raja Kerajaan Atjeh.*, h. 19.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Ali Hasyimi (1993), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Indonesia.*, h. 419-420.

⁶⁵ *Ibid.*, h. 53.

Poli, salah seorang keturunan Mon Khamer yang datang dari Campa Indo China. Ia telah menamakan kerajaan tersebut dengan kerajaan Sama Indra.⁶⁶

Adapun kewujudan kerajaan ini dapat dibuktikan dengan catatan sejarah China Dinasti Tang 618-906 M seperti dikutip oleh H. Zainuddin dalam bukunya *Tarich Atjeh dan Nusantara* yang menyebutkan, bahawa pada zaman pemerintahan Dinasti Liang sekitar tahun 413 M, seorang pengembara China telah melawat suatu tempat bernama Poli.⁶⁷ Berdasarkan catatan buku itu lagi, Poli yang dimaksud ialah Pidier.⁶⁸ Sementara Muhammad Said dalam bukunya *Aceh Sepanjang Abad* mengutip pendapat Winsted seorang pakar sejarah Asia Tenggara menyebutkan bahawa kerajaan yang terkenal selepas Sriwijaya ketika itu ialah kerajaan Samudera Pasai dan kerajaan Pidier.⁶⁹ Disebutkan juga kerajaan ini telah menjalin hubungan perdagangan dengan dunia luar seperti China, India dan lain-lain. Pusat pelabuhannya ialah Kuala Bate dan Kuala Ulim.

Menjelang abad ke 8 H bersamaan dengan abad ke 14 M, kerajaan Hindu/Budha Pidier di bawah pemerintahan Maharaja Shahir Poli berubah menjadi sebuah kerajaan Islam setelah mendapat serangan dari kerajaan Aceh Darussalam di bawah pimpinan Sultan Mansur Syah I yang memerintah 755-811H/1354-1408 M. Namun unsur Budha dan Hindu baru dapat dikikis habis pada masa Sultan Mahmud II 'Alaiddin Johan Syah 811-870 H/1354-1465 M. Oleh yang demikian kerajaan Islam Pidier dengan rasmi menjadi bawahan kepada

⁶⁶ Yunus Djamil (1968), *op.cit.*, h. 26-27.

⁶⁷ Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda, h. 36.

⁶⁸ Tgk Chik di Paloh (997), *Aceh Sumatra Kelahiran Baru Untuk Merdeka*. (t.t.p), (t.p), h. 17-18.

⁶⁹ Muhammad Said (1961), *Atjeh Sepanjang Abad*, h. 25-33.

kerajaan Aceh Darussalam. Untuk itu Sultan Mahmud II 'Alaiddin Johan Syah mengangkat Puteranya Husen Syah menjadi Raja Pidier dengan gelar Maharaja Pidie Laksamana Raja.⁷⁰

Mengikut catatan sejarah, kerajaan Islam Pidier diperintah oleh sepuluh orang yang bergelar Maharaja dan lima orang bergelar Penghulu, dua orang Tengku Keumangan. Kerajaan Pidier berakhir sekitar tahun 1521 M, apabila ia dileburkan di bawah kerajaan Aceh Darussalam pada masa Sultan Ali Maghyat Syah Untuk lebih lengkap pengkaji sertakan senarai nama-nama Raja yang memerintah kerajaan Islam Pidier. Lihat lampiran X.

3.5. Kerajaan Islam Lingga di Aceh Tengah

Tidak dapat dipastikan dengan tepat bila kerajaan Islam Lingga didirikan. Namun menurut petunjuk sejarah menjelaskan bahawa ketika kerajaan Islam Perlak diserang oleh Sriwijaya tahun 375 H/986 M, banyak ulama' serta tokoh masyarakat bahkan kerabat di Raja Perlak memilih untuk berhijrah ke tempat-tempat lain. Antara mereka terdapat Addi Genali atau dikenali sebagai Meurah Lingga yang berhijrah ke Lingga.⁷¹ Beliau ini adalah Putera Meurah Tanjung Krung Jambo Aye, dan termasuk salah seorang kerabat Sultan Perlak.

Addi Genali telah berjaya membentuk suatu masyarakat di Lingga dan berhasil mengasaskan sebuah kerajaan yang disebut kerajaan Islam Lingga. Lokasinya terletak di Aceh Tengah sekarang. Sistem pemerintahan kerajaan ini

⁷⁰ Yunus Djamil (1968), *Tawarikh Raja-raja Kerajaan Atjeh.*, h. 25.

⁷¹ Hasyimi (1983), *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah.*, h. 53.

tidak banyak diperolehi data yang lengkap, tetapi yang jelas ia masih di bawah pengaruh kerajaan Darussalam. Selain itu, Addi Genali mempunyai tiga orang Putera, masing-masing:

- i. Sibayak Lingga berhijrah ke Aru dan di sana beliau membangun sebuah kota sendiri iaitu di lembah sebuah gunung di Sumatera Utara yang sekarang dikenali sebagai gunung Sibayak.
- ii. Meurah Johan, beliau ikut bersama-sama Syeikh Abdullah Kan'an berhijrah ke Indra Purba bagi menjalankan misi dakwah.
- iii. Meurah Lingga II. Beliau inilah yang menjadi sebagai penerus pemerintahan kerajaan Lingga.⁷²

Berdasarkan kepada data-data tersebut dapat diambil kesimpulan bahawa kerajaan Islam Lingga hanya diperintah oleh dua orang Raja sahaja. Yang pertama dikenali sebagai Meurah Lingga I dan Meurah Lingga II.

3.6. Kerajaan Islam Isak di Aceh Tengah

Sebagai telah disebutkan, serangan Sriwijaya ke atas kerajaan Islam Perlak pada tahun 375 H/986 M, mendorong banyak Meurah-Meurah Perlak melarikan diri ke daerah-daerah lain. Selain bertujuan mengelak serangan Sriwijaya juga untuk mengembangkan misi dakwah Islam. Menurut rekod sejarah, antara yang melarikan diri ke Isak, Takengen, Aceh Tengah ialah Meurah Ishak. Beliau adik kepada Sultan Ibrahim Syah Sultan Perlak. Beliau juga telah berjaya

⁷² Yunos Djamil (1968), *op.cit*, h. 28-29.

membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun dan Islami di Isak, Takengen Aceh Tengah.⁷³

Dengan demikian, pada tahun 376 H/ 987 M, beliau berjaya mengasaskan sebuah kerajaan yang dinamakan dengan kerajaan Islam Isak sempena kepada namanya sendiri.⁷⁴ Sepeninggalan baginda digantikan oleh Puteranya sendiri iaitu Meurah Mersa atau dikenali sebagai Makhdum Malik Mesir yang oleh masyarakat Isak dipanggil dengan *Tou Mersa*.⁷⁵ Proses lanjutan kerajaan Islam ini belum diperolehi catatan yang detail tapi masih dianalisis oleh ahli-ahli sejarah tempatan. Namun dapat direkodkan bahawa kerajaan Islam Isak diperintah oleh dua Raja, iaitu: Meurah Ishak dan Meurah Mersa. Dapat diambil kesimpulan bahawa di Takengen Aceh Tengah terdapat dua buah kerajaan Islam sekaligus yang berdiri dalam waktu yang hampir bersamaan. Yang pertama ialah kerajaan Islam Lingga dan kedua kerajaan Islam Isak

3.7. Kerajaan Islam Daya di Aceh Barat

Kerajaan Islam Daya termasuk salah satu kerajaan Islam di Tanah Aceh yang berada di bawah kekuasaan Aceh Darussalam. Ia bebas menjalankan pemerintahan sendiri dengan rajanya sendiri sebagai wilayah otonomi, tetapi ia di bawah kawalan Aceh Darussalam. Daya pada hari ini terletak di daerah Lamno Aceh Barat. Sebelum ia menjadi sebuah kerajaan, daerah ini terbahagi kepada dua

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ Arifin Amin (1972), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh*, h. 12-13.

⁷⁵ Yumus Djamil (1968), *op.cit.*, h. 29.

kerajaan iaitu kerajaan Hindu Keluang di bawah pimpinan Pahlawan Sah dan kerajaan Hindu Lamno dipimpin oleh Datuk Pagu.⁷⁶

Pada akhir abad ke XV telah datang ke Daya salah seorang anak daripada Sultan Inayat Syah ibnu Abdullah Malik al-Mubin iaitu Ali Mughyat Syah. Beliau saudara kepada Sultan Muzaffar Syah di Aceh, juga bersaudara dengan Sultan Munawar Syah yang memerintah Pidier.⁷⁷ Setelah kedua-dua kerajaan tersebut dapat ditaklukkan oleh Ali Mughyat Syah ditubuhlah sebuah kerajaan Islam Daya dengan rajanya Sultan 'Alaiddin Ri'ayat Syah yang makam baginda dijumpai di Kuala Daya Aceh Barat. Fakta ini dikuatkan lagi dengan ditemukan sebuah makam yang bertulis atas batu nisannya atas nama" Sultan Salatin Riayat Syah bin Inayat Syah Bin Abdullah Malik al-Mubin.⁷⁸ Meninggal pada 7 Rajab 913 H/12 November 1508 M.⁷⁹

Adapun kajian mengenai sistem pemerintahan kerajaan Daya tidak banyak dijumpai catatan bertulis, namun pengkaji yakin bahawa bentuk pemerintahannya sama dengan sistem kerajaan Darussalam, kerana statusnya berada di bawah kerajaan Darussalam. Tetapi ini tidak bermakna bahawa kewujudan kerajaan Islam Daya dapat dipertikaikan, sebab ia memiliki bukti dengan adanya bekas tapak kerajaan tersebut dan sememangnya telah dijumpai makam pengasasnya dan

⁷⁶ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 86-87.

⁷⁷ Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 205.

⁷⁸ Sejarah Daya/Lamno (1973), "Daya dalam Lintasan Sejarah", dalam Laporan Study Tour Mahasiswa Jurusan Sejarah, Fakultas Keguruan Universitas Syiah Kuala, Himpunan Mahasiswa Sejarah (HIMAS), Darussalam, h. 12.

⁷⁹ Muhammad Said (1961), *Atjeh Sepanjang Abad.*, h. 87.

kuburan Raja-raja yang terletak di wilayah Lamno Aceh Barat. Kerajaan ini berakhir apabila disatukan di bawah Aceh Darussalam pada 1520 M.⁸⁰

3. 8. Kerajaan Aceh Darussalam di Banda Aceh

Kerajaan Aceh Darussalam merupakan sebuah empayar yang paling berkuasa di Nusantara suatu ketika dahulu. Apabila disebut kerajaan Aceh, maka yang terlintas di fikiran orang adalah kerajaan Aceh Darussalam. Ia muncul setelah jatuhnya kerajaan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 M. Pada tahun itulah kerajaan Aceh Darussalam ditubuhkan. Kerajaan inilah yang menjadi tebusan kepada kekalahan bangsa Melayu di Melaka. Ia merupakan hasil evolusi dari kerajaan-kerajaan Islam yang pernah muncul di Tanah Aceh sebelumnya.

Apabila dilihat kepada latar belakang sejarah kemunculan kerajaan-kerajaan Islam di Aceh, maka kerajaan Aceh Darussalam merupakan kerajaan Islam yang terakhir di Aceh. Bahkan ia sebuah kerajaan yang paling lama berkuasa di Nusantara yang diperintah oleh puluhan Sultan. Setelah kerajaan Aceh Darussalam berakhir pada tahun 1939 M, tidak ada lagi kerajaan Islam yang pernah muncul di Asia Tenggara ini.

3.8.1. Proses lahirnya Kerajaan Aceh Darussalam

Lahirnya kerajaan besar ini merupakan hasil evolusi dari penggabungan seluruh kerajaan Islam kecil yang sedia ada di wilayah Aceh. Sebelum namanya

⁸⁰ Zakaria Ahmad (1972), *Sekitar Kerajaan Atjeh Darussalam Dalam Tahun 1520-1675*. Medan: Penerbit Monora, h. 37.

disebut dengan Aceh Darussalam, ia dikenali dengan kerajaan Aceh Besar kerana semua kerajaan di Aceh disatukan menjadi sebuah kerajaan besar, yang oleh orang-orang Aceh menyebutnya sebagai kerajaan *Aceh Rayek*.⁸¹

Sebahagian ahli sejarah menyebutnya dengan kerajaan Islam Lamuri, kerana ia terletak di wilayah Lamuri Aceh Besar. Bahkan sebelum disebut nama Aceh, Lamuri telah lama terkenal. Dapat dikatakan di sini bahawa Lamuri adalah nama lama bagi kerajaan Aceh. Menurut catatan sejarah, bahawa kerajaan Aceh ini sebelum ia rasmi menjadi sebuah kerajaan Islam adalah sebuah kerajaan Hindu yang dikenali sebagai kerajaan Indra Purba yang wujud ribuan tahun sebelum 'Isa 'a.s. Pusat pemerintahannya di ibukota Lamuri Aceh Besar.

Adapun langkah awal yang menyebabkan kerajaan ini menjadi sebuah kerajaan Islam, ialah apabila ia mendapat ancaman dari kerajaan jiran-jirannya. Di Aceh Besar ketika itu terdapat beberapa kerajaan Hindu/Budha. Antaranya:

- i. Kerajaan Indra Purba
- ii. Kerajaan Indra Patra
- iii. Kerajaan Indra Jaya
- iv. Kerajaan Indra Purwa
- v. Kerajaan Seudu

Kerajaan Seudu diperintah oleh seorang wanita iaitu Laksamana Nian Nion Lian Khi keturunan China,⁸² dia mempunyai cita-cita untuk menguasai semua kerajaan di sekelilingnya. Atas alasan itu kerajaan Indra Purba di bawah

⁸¹ Kerajaan *Aceh Rayek* bermaksud kerajaan Aceh Besar. *Rayek* ertinya besar.

⁸² Arifin Amin et al. (1980), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh*, h. 71.

pemerintahan Maharaja Indra Sakti merasa terancam. Oleh itu beliau memutuskan untuk meminta bantuan daripada kerajaan Islam Perlak di Aceh Timur.⁸³

Pihak berkuasa Perlak menerima permintaan Indra Purba. Sebuah angkatan seramai tiga ratus orang yang diketuai oleh Syeikh Abdullah Kan'an dan naibnya Meurah Johan Putera Addi Genali Lingga dikirim ke Indra Purba. Angkatan ini dikenali sebagai angkatan Syiah Hudan. Mereka tiba di Lamuri pada 27 Rejab 570 H.⁸⁴ Dengan bantuan angkatan Syiah Hudan serta Meurah Johan dari Perlak, serangan Laksamana Nian Nion dapat dikalahkan. Atas peristiwa besar ini Maharaja Indra Sakti dan rakyatnya masuk Islam dan puterinya Indra Kesuma dikahwinkan dengan Meurah Johan. Sementara Laksamana Nian Nion tunduk kepada Meurah Johan atas kekelahannya.

Yang lebih mengagumkan lagi bahawa Ratu ini pun memeluk Islam yang diikuti oleh seluruh rakyat kerajaan Seudu. Pada akhirnya ia juga kahwin dengan Meurah Johan. Setelah masuk Islam nama panggilannya ditukar menjadi *Putro Neng*.⁸⁵ Dengan demikian sebuah masyarakat Islam terbentuk dengan cepat dan kerajaan Indra Purba berubah menjadi sebuah kerajaan Islam Lamuri di Aceh Besar. Tidak lama kemudian kerajaan ini tidak lagi disebut dengan Lamuri, tetapi ia disebut dengan kerajaan Islam Aceh. Di sinilah mula proses terbentuknya kerajaan Aceh Darussalam.

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ Hasyimi (1983), *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*, h. 56. *Potrow* bermaksud Puteri.

3.8.2. Pembentukan Kesultanan Aceh Darussalam

Dua puluh lima tahun kemudian iaitu setelah kerajaan Indra Purba mengalahkan Ratu Nian Nion Liang Khi, Maharaja Indra Sakti meninggal dunia. Menantunya Meurah Johan menggantikan baginda dengan gelar Sultan 'Alaiddin Johan Syah. Pada hari Jumaat, bulan Ramadhan tahun 601 H/1205 M, kerajaan Indra Purba, Indra Patra, Indra Purwa, Indra Jaya dan kerajaan Seudu secara rasmi dileburkan dalam satu kerajaan dan mengisyiharkan bahawa kerajaan mereka menjadi sebuah kerajaan Islam dengan nama kerajaan Darussalam, dengan ibukotanya Bandar Darussalam.⁸⁶

Pada ketika itu belum dicantumkan lagi kalimat Aceh dalam bentuk kerajaan. Ini disebabkan dengan kuasa politiknya yang terbatas, ditambah lagi dengan belum bergabungnya keseluruhan kerajaan-kerajaan Islam kecil disekitarnya. Kerajaan baru ini kadang-kadang dipanggil dengan kerajaan Islam Aceh atau kerajaan Darussalam sahaja. Berdasarkan kepada catatan silsilah Raja-raja Aceh, disini disebutkan Raja-raja kerajaan Darussalam seperti berikut:⁸⁷

1. Sultan 'Alaiddin Johan Syah (601-631 H /1025-1234 M).
2. Sultan 'Alaiddin Ahmad Syah (631-665 H/1234-1267 M).
3. Sultan 'Alaiddin Johan Mahmud Syah (665-700 H/1267-1309 M).
4. Sultan 'Alaiddin Firman Syah (708-755 H/1309-1354 M).
5. Sultan 'Alaiddin Mansur Syah (755-811 H/1354-1400 M).
6. Sultan 'Alaiddin Mahmud Syah (811-870 H/1408-1465 M).

⁸⁶ Yunus Djamil (1968), *Tawarikh Raja-raja Kerajaan Atjeh.*, h. 27.

⁸⁷ Hasyimi (1983), *op.cit.*, h. 57.

7. Sultan 'Alaiddn Husein Syah (870-885 H /1465-1480 M).
8. Sultan 'Alaiddin Inayat Syah (885-895 H/1480-1490 M).
9. Sultan 'Alaiddin Mudhafar Syah (895-902 H/1490-1497 M).
10. Sultan 'Alaiddin Syamsu Syah bin Raja Munawwar Syah (902-916 H/1497-1511 M).

Dalam era pemerintahan sepuluh orang Sultan di atas beberapa kejayaan dicatat antaranya sebuah masjid kebanggaan rakyat Aceh iaitu masjid Bait al-Rahman yang didirikan pada tahun 691 H/1292 M, yang terletak di kota Banda Aceh. Ia juga melambangkan kepada kejayaan kerajaan Islam di Aceh suatu ketika dahulu. Kejayaan ini dicatat pada masa pemerintahan Sultan 'Alaiddin Mahmud Syah 665-700 H/1267-1309 M. Satu lagi kejayaannya iaitu dibangunkan sebuah keraton yang dipanggil dengan "*Keraton Dar al-Dunya*".⁸⁸

Pada masa pemerintahan Sultan Syamsu Syah 902-916 H/1497-1511 M, sebuah lagi masjid Bait al-Rahim dapat dibangunkan. Baginda Sultan juga membina sebuah keraton sendiri iaitu "Keraton Kuta Alam". Keraton ini dikelilingi oleh sebuah tebing raksasa yang menjadi benteng keraton tersebut iaitu "*Teunambah Pidie*". Hari ini ia terletak antara sungai Aceh dan kota Peunayoung, Banda Aceh.⁸⁹

⁸⁸ Yunus Djamil (1968), *op.cit.*, h. 37. Keraton bermaksud Istana.

⁸⁹ *Ibid.*, h. 38.

·3.8.3. Ali Mughyat Syah Pengasas Kerajaan Aceh Darussalam

Menjelang akhir abad ke 15 M, arus penjajah Barat yang bercita-cita ingin mendapatkan kekuasaan di Timur semakin deras. Sejak Columbus menemukan daratan Amerika dan Vasco de Gama menjajakkan kakinya di India, sejak itulah penjajah Kristian Barat ingin menginjak kakinya di Timur. Antara bangsa Eropah yang sangat berambisi penjajah ketika itu ialah bangsa Portugis. Mereka telah berjaya menduduki Goa di India seterusnya mereka menuju ke Melaka dan tujuan selanjutnya ialah kerajaan-kerajaan Islam yang terletak di Utara Sumatera seperti Aru, Pidier, Pasai, Aceh, dan Daya.

Keadaan politik semakin tidak menentu apabila Portugis mula menduduki kerajaan Islam di sekitar kerajaan Darussalam. Oleh itu, Ali Mughyat Syah yang ketika itu masih memegang jawatan panglima perang meminta ayahandanya baginda Sultan 'Alaiddin Syamsu Syah yang sudah berusia 100 tahun beristirahat.⁹⁰ Usulan tersebut diterimanya dengan baik, dan menyerahkan pimpinan negara kepada Ali Mughyat Syah.

Beliau yang mempunyai tekad untuk mengusir penjajah Portugis dari seluruh bumi Aceh dengan segera bertindak mengambil alih pemerintahan kerajaan. Pada tanggal 12 Zulqaedah 916 H/1511 M, Ali Mughyat Syah mendeklarasikan berdirinya kerajaan Aceh Darussalam. Tekad utama beliau setelah naik tahta ialah menentang Portugis.⁹¹

⁹⁰ Jakobi (1998), *Aceh Dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan*, h. 16.

⁹¹ *Ibid.*

Sementara Hamka dalam bukunya *Sejarah Umat Islam* menulis bahawa Ali Mughyat Syah yang dimaksudkan adalah Raja Ibrahim, dan menurutnya lagi kedua-duanya adalah orang yang sama yang naik tahta tahun 1507-1522 M.⁹² Namun setelah diteliti didapati bahawa Ali Mughyat Syah bukanlah Raja Ibrahim. Ali Maghyat Syah adalah pengasas sebenar Aceh Darussalam naik tahta dari tahun 1511-1530 M, bukan tahun 1507-1522 M. Fakta ini dikuatkan lagi oleh catatan Muhammad Said dalam bukunya *Atjeh Sepanjang Abad* bahawa telah dijumpai batu nisan bertulis "Ali Mughyat Syah meninggal pada 12 Zulhijjah 936 H/7 Ogos 1530 M".⁹³

Adapun Raja Ibrahim yang disebut oleh Hamka adalah adik Ali Mughyat Syah sendiri yang menjadi Raja Muda di Aru atau Pulau Kampay Aceh Timur dengan gelar Laksamana Raja Ibrahim. Beliau syahid dalam pertempuran melawan Portugis pada tarikh 21 Muharram 930 H/3 September 1524 M.⁹⁴

Sebelum Baginda Sultan Ali Mughyat Syah berpulang kerahmatullah, baginda telah meletakkan beberapa dasar terhadap perjuangannya yang akan diikuti oleh pengganti-pengganti baginda sesudahnya. Dasar-dasar tersebut seperti mana ditulis oleh Muhammad Said adalah seperti berikut:⁹⁵

⁹² HAMKA (Edisi Baru), *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 785.

⁹³ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 139.

⁹⁴ Raja Ibrahim sebelum menjadi Raja Muda Aru beliau adalah Panglima kerajaan Pidie yang ketika itu di bawah kerajaan Aceh Darussalam. Sebahagian ahli sejarah mengatakan bahawa Raja Ibrahim adalah nama kecil Sultan Ali Mughyat Syah. Tetapi menurut catatan sejarah tempatan beliau adalah adik kandung kepada Baginda Sultan Ali Mughyat Syah. Raja Ibrahim meninggal dunia dalam perperangan menentang Portugis di Aru dan digantikan oleh adiknya Malik Uzair.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 96-97.

- i. Bahawa sebuah Negara tidak boleh berdiri kalau hanya seluas kampung, atau kota, atau berapa ratus kilo meter sahaja. Berdirinya baru dapat dipelihara kalau daerah wilayahnya luas sekurang-kurangnya seluas Aceh yang dibangunnya atau lebih luas lagi.
- ii. Walalupun kerajaan Melayu yang jaya di Melaka sudah tumbang dengan Portugis dan kepercayaan telah mulai retak bahawa orang Timur tidak akan dapat mempertahankan diri dari Imperialis Barat, tetapi hancurnya Portugis di Aceh telah memulangkan keyakinan bahawa penjajahan asing selalu boleh dihalau.
- iii. Untuk menghadapi agresi imperialis asing , perlu dibangun armada angakatan laut yang kuat.
- iv. Ekonomi harus ditingkatkan dan terhadap soal ini sesuatu negara harus dapat mengusai sendiri.

Dengan berdirinya kerajaan Aceh Darussalam dengan dasar mempertahankan negara dan mengusir Portugis di seluruh Nusantara, bermakna permulaan kepada keruntuhan Imperialis Portugis di Nusantara, sekaligus menjadi tebusan terhadap kekalahan bangsa Melayu di Melaka.

3.8.4. Proses Penyatuan Kerajaan Islam Kecil di bawah Kerajaan Aceh Darussalam

Adapun proses penyatuan kerajaan-kerajaan Islam kecil di bawah kerajaan Aceh Darussalam meliputi kepada beberapa faktor penting. Kesemua faktor ini menjadi penentu kepada proses politik kerajaan Aceh untuk menjadi sebuah kerajaan besar sebagai sebuah empayar yang paling berkuasa di Asia Tenggara

Yang menjadi faktor utama dalam penyatuhan semua kerajaan Islam kecil di Aceh menjadi sebuah kerajaan besar dan kuat di bawah kerajaan Aceh Darussalam, ialah ancaman kolonialis Portugis yang sedang menjajah Nusantara. Sultan Ali Mughayat Syah berpendapat bahawa untuk mengusir penjajah Portugis dari bumi Nusantara ini tidak mungkin dapat dilakukan bahkan mustahil, selama kerajaan-kerajaan kecil tersebut masih tetap berdiri sendiri dengan kuasa yang terbatas. Kalau begitu, maka dalam waktu singkat Nusantara ini akan dapat dikuasai oleh bangsa asing yang ingin berkuasa.⁹⁶

Oleh yang demikian sudah tiba masanya kerajaan-kerajaan tersebut menggabungkan diri menjadi sebuah kuasa besar dan kuat yang memiliki angkatan darat dan laut sendiri. Untuk dapat merealisasikan proklamasinya itu, Sultan 'Ali Muhyat Syah mengambil langkah cepat dan tegas. Maka dengan segera beliau mengirim amaran kepada kerajaan-kerajaan sekitarnya agar mengusir Portugis dari negerinya. Dalam pada itu, kadang-kadang terdapat juga kerajaan yang menjalin hubungan baik dengan penjajah atau ada yang telah terjerat dengan tipu muslihat Portugis, maka langkah yang lebih tegas terpaksa diambil memandangkan ancaman penjajah semakin kuat.⁹⁷

Tanpa melengah-lengahkan masa yang ada, tindakan pun diambil terhadap kerajaan-kerajaan sekitarnya seperti Pasai, Pidier, Daya dan lain-lain. Dalam waktu singkat iaitu sejak baginda naik tahta hingga tahun 1524 M, semua kerajaan mulai dari Perlak sampai ke Daya telah berhasil disatukan di bawah

⁹⁶ Jakobi (1998), *Aceh Dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan*, h. 16

⁹⁷ Hasyimi (1983), *Sejarah Aceh dalam Kebudayaan*, h. 59.

kerajaan Aceh Darusalam.⁹⁸ Ketegasan Ali Mughayat Syah dalam penyatuan ini bukan atas dasar permusuhan dengan jiraninya. Tetapi tindakan itu demi kepentingan bersama iaitu melepaskan diri dari penguasaan pihak asing.

Faktor kedua yang dapat dilihat dari proses penyatuan kerajaan-kerajaan kecil di Aceh ialah faktor akidah. Kerajaan Aceh Darusalam yang telah menetapkan Islam sebagai dasar Negara, menganggap kehadiran Barat Kristian sebagai ancaman terhadap akidah umat Islam di Nusantara ini. Maka dengan itu, Aceh Darussalam berusaha menghapuskan unsur Kristian di seluruh wilayah Aceh, Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.

Faktor politik merupakan faktor ketiga dalam penyatuan kerajaan-kerajaan kecil di Aceh di bawah kerajaan Aceh Darussalam. Apabila kerajaan-kerajaan tersebut tetap dengan kuasa politik yang terbatas, ia akan memberikan kesan negatif terhadap kerajaan mereka sendiri dan juga kepada jirannya. Ini seiring dengan misi penjajah Barat yang datang ke Timur berambisi ingin berkuasa di Nusantara. Ini bukan hanya Portugis, bahkan Belanda dan Jepun sesudah itu juga mempunya misi penjajah yang sama.

Selanjutnya yang menjadi dasar penyatuan ialah faktor ekonomi. Faktor ini merupakan salah satu faktor penting dalam sebuah tamadun bangsa. Setiap kerajaan di Nusantara ini sebelum kedatangan bangsa Barat hidup dalam keadaan aman dengan ekonomi yang stabil iaitu tanpa dimonopoli oleh pihak asing. Namun kedatangan Portugis ke Nusantara telah mengancam ekonomi penduduk

⁹⁸ Fadhillah Jamil (1993), "Kerajaan Aceh Darussalam Dan Hubungannya Dengan Semenanjung Tanah Melayu", dalam A. Hasyimi (ed), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Bandung: P.T. Al-Ma'arif, h. 231-232.

rantau ini. Bangsa Barat telah berhasil memonopoli sektor ekonomi rakyat sama ada di darat maupun di laut. Pusat perdagangan antarabangsa di Melaka telah di kuasai oleh mereka.

Dengan demikian untuk mempertahankan monopoli ekonomi, Sultan Ali Mughayat Syah menyatukan semua kuasa-kuasa kerajaan untuk mengusir penjajah bagi mencapai matlamat kesejahteraan bersama. Setelah semua dapat disatukan dalam sebuah negara yang besar dengan kekuatan yang kuat, semua rakyat tidak lagi merasakan diri mereka sebagai bangsa Perlak, Passai, Pidier, Daya, Aru dan lain-lain, tetapi mereka menjadi satu bangsa yang besar, satu bahasa, satu akidah, hidup di bawah satu bendera Aceh Darussalam.

3.9. Era Kegemilangan

Para ahli sejarah sepakat bahawa Aceh berada di puncak kejayaanya ialah pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1635).⁹⁹ Mengikut senarai silsilah kesultanan kerajaan Aceh Darussalam baginda berada pada kedudukan Raja yang ke XX.¹⁰⁰ Kebangkitan kuasa Aceh bermula setelah jatuhnya Melaka ke tangan Portugis.¹⁰¹ Sejak itu Pusat Tamadun Islam Nusantara berpindah ke Aceh. Kerajaan Aceh Darussalam yang berpusat di Banda Aceh menjadi kota Internasional. Pelabuhan Krueng Aceh menjadi pelabuhan perdagangan antarabangsa. Kemajuan Aceh pada waktu itu meliputi segala bidang kehidupan.

⁹⁹ HAMKA (Edisi Baru), *op.cit.*, h. 999.

¹⁰⁰ Lihat Lampiran XI Silsilah Sultan Kerajaan Aceh Darussalam.

¹⁰¹ C. Nooteboom (1972), *Sumatera dan Pelayaran di Samudera Hindia* (terj). Jakarta: Balai Pustaka, h. 119-127. Lihat juga, Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 91-98.

Dalam hal keagamaan dan pendidikan, Aceh menjadi tempat rujukan para ulama' Nusantara. Lembaga pendidikan di Aceh setanding universiti-universiti yang ada di Timur Tengah, Gujarat, Parsi dan lain-lain.¹⁰² Berbagai gelaran diberikan untuk Aceh di masa kebesarannya, mulai dari sebutan serambi Mekkah, Kota Sarjana, Kota Ulama, Pusat Tamadun Islam, Kuasa Besar, Pusat Ilmu Pengetahuan, Pusat Perdagangan dan lain-lain.

Dalam bidang politik dan pertahanan pula, sekitar abad ke 17 M, Aceh telah menjadi sebuah empayar yang memiliki wilayah jajahannya yang luas mencakup Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.¹⁰³ Pertahanan kerajaan Aceh yang mempunyai ratusan armada laut sehingga tiada kuasa asing yang dapat menceroboh kedaulatan negaranya. Semua itu, adalah hasil dari kebijaksanaan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.¹⁰⁴

Dengan demikian setiap orang yang mengingat kebesaran Aceh pasti tidak melupakan peranan baginda Sultan yang telah menjulang tinggi nama Aceh di persada dunia pada ketika itu. Tentang peranan Iskandar Muda pengkaji sebutkan pada bahagian sub tajuk "peranan Sultan Iskandar Muda".

¹⁰² Abdullah Ishak (1990) *Islam Di Nusantara: Khususnya Di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah Dan Kebajikan Malaysia, h. 117.

¹⁰³ Hasan Muhammad Di Tiro (1985), "The Case and the Cause of National Liberation Front of Aceh-Sumatra", a presentation before The Scandinavian Association of Southeast Asian Social Studies. Goteborg, August 23, 1985. Lihat juga, H. Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 305.

¹⁰⁴ Ismail Suny (1980), *Bunga Rampai tentang Aceh*, Jakarta: PT. Al-Ma'arif, h. 204-215. Lihat juga, A. Hasyimi (1993), *op.cit.*, h. 224-228.

3.9.1. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1635)

Sultan Iskandar Muda dilahirkan pada tahun 1590 M. Ayahanda Baginda bernama Mansur Syah bin Abdul Djalil bin Al-Kahhar. Ini menjelaskan bahawa Baginda Sultan mempunyai pertalian keluarga dengan Sultan Aceh sebelumnya iaitu Sultan Firman Syah. Di pihak ibunda pula yang bernama Puteri Indra Bangsa binti Sultan 'Alaiddin Ri'ayat Syah Saidi al-Mukammil.¹⁰⁵ Baginda Sultan Iskandar Muda merupakan tokoh terkemuka dalam catatan sejarah kerajaan Aceh Darussalam. Baginda bercita-cita memiliki kerajaan setanding dengan Iskandar di Iskandariyah, Mesir, dan juga Iskandar Raja Yunani.¹⁰⁶

Aceh mendapat keagungan dan pengiktirafan seluruh dunia ialah pada masa pemerintahan baginda. Sultan Iskandar Muda ditabalkan pada tahun 1607 M. Baginda menjadi Sultan menggantikan bapak saudaranya iaitu Sultan 'Ali Ria'yat Syah. Adapun keperibadian baginda, sejak kecil baginda seorang yang bijaksana dan sangat berani. Baginda pernah memberontak terhadap pemerintahan Sultan 'Ali Ri'ayat Syah pada tahun 1604-1607, menyebabkan baginda dipenjara.¹⁰⁷ Namun setahun kemudian dilepaskan kembali atas permintaanya bagi menentang Portugis di Aceh dan seluruh Sumatera.¹⁰⁸

Dengan semangat yang gagah dan berani, baginda bersama pemuda Aceh yang menjadi pengikut setianya berjaya mengalahkan Portugis di perairan Aceh.

¹⁰⁵ Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di Tanah Melayu.*, h. 119-120.

¹⁰⁶ Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara.*, h. 303.

¹⁰⁷ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 142. Lihat juga, Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h. 120.

¹⁰⁸ *Ibid.*

Seramai tiga ratus orang tentara Portugis di bawah pimpinan Affonso De Castro tewas di tangan Iskandar Muda.¹⁰⁹ Pada tahun 1607, baginda disyiharkan menjadi Sultan Aceh dengan gelar Sultan Iskandar Muda Perkasa Alam. Selain gelaran itu beliau juga dikenali dengan Mahkota Alam, Tun Pangkat, Parmawangsa dan Seri Perkasa Alam Johan Berdaulat.¹¹⁰

Kemunculan Sultan agung ini ialah selang satu abad setelah Sultan 'Ali Mughyat Syah mengisytiharkan penubuhan kerajaan Aceh Darussalam yang berdaulat. Seratus tahun ini merupakan masa yang begitu matang dalam pembinaan sebuah kuasa politik yang kukuh. Selain Sultan Iskandar Muda seorang yang bijaksana, baginda juga tetap berpegang teguh pada prinsip pemerintah sebelumnya yang tidak berkompromi dengan penjajah. Semua ini dilanjutkan dan dilaksanakan semasa beliau memerintah kerajaan.

Antara keyakinan yang turun temurun ialah bahawa jiwa yang kuat ialah kerana agama, ekonomi yang kuat kerana hasil bumi, dan pertahanan yang kuat kerana senjata.¹¹¹ Hal ini telah menjadi dasar politik dalam kerajaan Aceh Darussalam pada masa pemerintahannya. Keagungan Sultan Iskandar Muda telah banyak menarik perhatian ahli sejarah, sehingga satu buku khas ditulis bagi menggambarkan kebesaran Sultan dengan tajuk "Sultan Iskandar Muda".¹¹² Para sarjana-sarjana Barat seperti Portugis, Belanda, Inggeris dan lain-lain banyak mengkaji dan menulis tentang personaliti Sultan Iskandar Muda ini.

¹⁰⁹ *Ibid.*

¹¹⁰ Yunus Djamil (1968), *op.cit.*, h. 45. Lihat juga, Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 145.

¹¹¹ HAMKA (Edisi Baru), *op.cit.*, h. 999-911.

¹¹² Yunus Djamil (1967), *op.cit.*, h. 45.

3.9.2. Peranan Sultan Iskandar Muda

i. Menyekat pengaruh Kristian

Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, selepas beliau naik tahta ialah melanjutkan cita-citanya iaitu mengusir Portugis dari Nusantara ini. Sejak Melaka jatuh ketangan Portugis tahun 1511, Aceh sangat bimbang terhadap pengaruh Kristian. Oleh itu Sultan Iskandar Muda dengan segera mengatur tenteranya untuk menyerang Portugis di Melaka dan merebut bentengnya yang terkenal ‘*A Famosa*’.¹¹³ Serangan pertama dilakukan pada tahun 1615 M dan serangan kedua tahun 1629 M.¹¹⁴

Serangan-serangan ini dapat dikatakan gagal memukul Portugis kerana ia mendapat bantuan Goa, Johor, Pahang, Pattani yang bersekongkol dengan mereka.¹¹⁵ Portugis tidak dapat ditewaskan secara langsung waktu itu, kerana Aceh masih mempertimbangkan agar kerajaan Semenanjung Tanah Melayu tidak bekerjasama dengan pihak penjajah. Walau begitu, Portugis terpaksa beredar dari Nusantara kerana mendapat serangan Belanda sekitar tahun 1641 M, dan selalu mendapat ancaman daripada kerajaan Aceh.

¹¹³ HAMKA (Edisi Baru), *op.cit.*, h. 919. Sesetengah catatan sejarah menuis dengan *La Famosa*.

¹¹⁴ Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*, h. 306.

¹¹⁵ *Ibid.*

ii. Menjalin hubungan diplomatik

Pada masa Iskandar Muda Mahkota Alam Aceh telah menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara luar khususnya dengan negara-negara Islam dan juga dengan negara Eropah, seperti Belanda, Inggeris, Amerika, Tiongkok dan lain-lain. Dalam hubungannya dengan negara-negara Islam, Aceh termasuk dalam lima besar negara Islam di dunia waktu itu iaitu:¹¹⁶

- a. Kerajaan Islam Turki Uthmani di Istanbul
- b. Kerajaan Islam Akra di India
- c. Kerajaan Islam Isfahan di Timur Tengah
- d. Kerajaan Islam Mahgribi di Afrika Utara
- e. Kerajan Islam Aceh Darussalam di Asia Tenggara.

Kelima-lima negara Islam tersebut bukan hanya menjalin hubungan dalam skop sebagai satu organisasi Islam sahaja, tetapi kerjasama kelima negara Islam itu mencakupi bidang ekonomi, politik, ketenteraan dan bidang kebudayaan. Mereka saling bantu membantu terutama dalam bidang pertahanan dan keamanan, seperti halnya Turki membantu Aceh ketika perang melawan Portugis di Melaka. Mengenai langkah diplomasi kerajaan Aceh samada dengan negara Islam atau bukan Islam akan disebutkan secara berasingan pada perbincangan Diplomasi Aceh.

¹¹⁶ Ismail Suny (1980), *op.cit.*, h. 208. Lihat juga, Wilfred C. Smith (1957), *Islam Modern History*. Princeton N.J : Princeton University Press, h. 38; A. K. Yakobi (1998), *Aceh Dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan Indonesia 1949-1950 dan Peranan Teuku Hamid Azwar Sebagai Pejuang*. Jakarta: P.T. Gramedia Pustaka Utama, h. 56.

iii. Memperluaskan wilayah takluk

Sudah menjadi pegangan Sultan Iskandar Muda bahawa sebuah kerajaan tidak bererti apabila ia hanya sebesar sebuah perkampungan, melainkan ia terdiri atas beberapa negeri yang menjadi wilayah pentadbirannya. Dengan itu, Sultan Iskandar Muda memainkan peranan bagi meluaskan wilayah takluk. Setiap daerah takluk di situ akan diterapkan hukum Islam. Keberhasilan Iskandar Muda memperluaskan wilayah kekuasaannya tidak terlepas dari dasar politik luarnya yang kuat.¹¹⁷ Untuk mengetahui batas-batas wilayah takluk Aceh pada masa Sultan Iskandar Muda lihat sub tajuk “wilayah takluk Aceh”.

iv. Menjadikan Aceh Pusat Pendidikan

Suatu fakta sejarah yang menggambarkan bahawa antara abad ke 8 M sampai ke abad 13 M, merupakan abad-abad yang suram bagi Eropah dan abad kegemilangan bagi Islam, atau lebih dikenali sebagai era kegelapan Eropah dan era keemasan Islam. Yang menjadi pusat kegemilangan ini adalah Baghdad di Timur Tengah. Ia menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pusat perkembangan tamadun Islam.

Oleh kerana itu, Timur Tengah mempunyai institusi-institusi pendidikan Islam yang luar biasa, memiliki sistem yang moden dan bertaraf dunia. Antaranya: Al-Azhar di Kahirah Mesir, Al-Madrasah al- Nizamiah di Nisyapur

¹¹⁷ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 142-145. Lihat juga, Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 304.

Bagdad, Al-Madrasah al-Muntasiriyah di Bagdad, Al-Zaitun di Tunisia, Al-Kairawan di Maroco, Universiti Cardova Spanyol.¹¹⁸

Institusi-institusi inilah yang telah melahirkan ulama'-ulama' besar Islam yang menyumbang kepada kegembilangan Islam di abad itu. Dari institusi ini lahir tokoh-tokoh besar seperti Ibnu Sina, Ibnu Rusyd, Abū Bakar Muḥammad bin Zakaria al-Rāzi, 'Umar Al-Khayyam, Muḥammad Ibnu Mūsā al-Khawarizmī, dan lain-lain.¹¹⁹ Pada tangan mereka inilah lahir pelbagai disiplin ilmu pengetahuan dan pada masa merekaalah dikenali dengan zaman keemasan Islam.

Setelah abad ke 13 dan seterusnya, dunia Islam mengalami kemunduran dan ilmu pengetahuan berpindah ke dunia Eropah. Zaman kebangkitan Eropah dikenali dengan zaman Renaissance Eropah. Saat dunia Islam di Timur Tengah mengalami kemunduran yang terjadi antara abad ke 13 tersebut dan seterusnya, di Asia Tenggara tetap kukuh berdiri sebuah Kerajaan Islam Aceh Darussalam.

Pada masa Sultan Iskandar Muda sebagai puncak kejayaannya, Aceh mampu mencapai kejayaan yang gemilang dari sudut pendidikan sama dengan kegembilangan yang telah disebut diatas. Secara tak langsung dapat dikatakan bahawa pusat keagungan pendidikan Islam yang pernah muncul di Timur Tengah pada abad ke 13 muncul semula di Aceh. Abad ke 17 Aceh juga mampu melahirkan ulama'-ulama' besar yang berkaliber setaraf dengan ulama'-ulama' di Timur Tengah. Begitu juga institusi-institusi pendidikan setaraf dengan universiti

¹¹⁸. Harun Nasution (1994), *Islam Rasional: Gagasan dan Pemikiran*. Jakarta: Mizan, h. 299.

¹¹⁹. *Ibid.*

Asia Barat.¹²⁰ Dengan demikian kota Banda Aceh mendapat beberapa julukan ketika itu, antaranya:

i. **Kota Ilmu dan Ulama**

Kejayaan Aceh dalam bidang ilmu pengetahuan menjadikan Aceh sebagai tumpuan dunia Islam. Banyak tokoh-tokoh Islam dan intelektual sama ada dalam negeri mahupun luar negeri yang menjadikan Aceh sebagai tumpuan mereka. Di sini pengkaji menyebutkan beberapa tokoh mashur yang datang ke Aceh yang berasal dari Arab, Parsi, Gujarat dan negara-negara lain yang kemudian menjadi ulama' besar di Aceh.

Sebahagian antara mereka dapat disebutkan di sini ialah Syeikh Abdul Qadir Ibnu Hajar dari Mekkah, Syeikh Muhammad Yamani dari Mekkah, Syeikh Muhammad Jailani Mekkah, Ibni Muhammad al-Raniry dari Gujarat, Syeikh Idrus Bayan dari Bagdad, Syeikh Abu al-Khair Ibnu Hajar Mekkah, Syeikh Muhammad Jailani Ibnu Hajar Hasanji dari Gujarat¹²¹

Ulama'-ulama' ini saling berganding bahu bersama dengan Ulama' tempatan membantu mengembangkan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. Ianya bukan hanya menjadi tumpuan para Ulama' dan intelektual Islam bahkan juga jadi tumpuan para mahasiswa dari dalam dan luar negeri yang ingin

¹²⁰ Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h. 122. Lihat juga, Abdul Rahman Haji Abdullah (2002), *Sejarah & Tamadun Islam*. Selangor Darul Ihsan: Pustaka Ilmi, h. 353.

¹²¹ Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, hlm.116-117. Lihat juga, Abdul Rahman Haji Abdullah (2002), *op.cit.*, h. 354.

354. HAMKA (Edisi Baru), *op.cit.*, h. 912-913.

menambahkan ilmu pengetahuan mereka. Oleh kerana itu Aceh juga digelar dengan *Serambi Mekkah*.¹²² Ulama tersebut memainkan peranan penting dalam menyelaraskan sistem pendidikan dan kurikulum pengajaran. Dalam kerajaan Aceh Darussalam memiliki lembaga ulama' yang bertugas dalam jawatan pendidikan, antaranya:

a. Balai Setia Hukama

Balai ini berfungsi sebagai institusi ilmu pengetahuan yang di dalamnya berkumpul para sarjana, Ulama, Hukama untuk membahas perkembangan ilmu pengetahuan. Lembaga ini sangat dihormati oleh masyarakat di Aceh. Para Hukama yang berkumpul di situ tidak hanya terdiri dari sarjana tempatan sahaja tetapi sarjana-sarjana Islam dari luar negeri ikut mengambil bahagian.¹²³

b. Balai Setia Ulama

Balai ini pula berfungsi sebagai jawatan kuasa pendidikan yang bertugas menyelaras sistem pendidikan dan pengajaran. Dalam institusi ini terdiri dari para ulama'-ulama' besar yang berpengaruh menjaga kurikulum pendidikan dari masa ke semasa. Setiap perubahan yang berlaku dalam sistem belajar dan mengajar mestilah dahulu dipersetujui oleh Dewan Ulama' ini.

¹²² Gelaran *Serambi Mekkah* diberikan juga kerana Aceh menjadi pintu masuk bagi calon haji sebelum pergi ke Mekkah. Malah di Aceh Selatan terdapat sebuah kota yang disebut sebagai *Labuhan haji*.

¹²³ Ismail Suny (1980) *op.cit.*, h. 210.

c. Balai Jemaah Himpunan Ulama

Balai ini dapat disamakan dengan *study group*, iaitu menjadi tempat para Sarjana dan Ulama bertukar pikiran dan berdialog yang berkaitan dengan ilmu pendidikan dan pengajaran. Lembaga-lembaga inilah bertindak sebagai penyelaras pendidikan dalam berbagai tingkatan di Aceh Darussalam. Atas fenomena tersebut, maka ibukota kerajaan Aceh Darussalam ketika itu dijuluki kota ilmu dan Ulama.¹²⁴

ii. Kota Dayah dan Universiti

Pada masa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1635 M) sistem pendidikan diperkemaskinikan lagi dengan lebih teratur dan rapi. Bermakna sistem pendidikan di masanya tidak lahir serta merta melainkan sudah diperkenalkan berabad-abad yang lalu iaitu pada era permulaan dan era kebangkitan yang bermula pada masa kerajaan Perlak dan Pasai. Adapun institusi dan tingkatan pendidikan dalam kerajaan Aceh Darussalam sebagai berikut:¹²⁵

a. Meunasah

Meunasah¹²⁶ berasal dari kata madrasah yang bermaksud tempat belajar. Waktu itu ia difungsikan sebagai tempat belajar bagi kanak-kanak tingkatan tadika selain fungsinya sebagai tempat bermesyuarat bagi menyelesaikan perkara-perkara yang berlaku dalam masyarakat. Di sini murid sudah diajarkan beberapa

¹²⁴ Ibid.

¹²⁵ Ibid.

¹²⁶ Meunasah dalam bahasa Melayu bermaksud Surau. Setiap satu kampung di Aceh terdapat satu Surau. Fungsi utamanya ialah sebagai lembaga agama dan adat istiadat sesebuah desa.

subjek teras, antaranya: menulis, membaca, mengaji Al-Quran, rukun Iman, rukun Islam, cara ibadat, dan dasar-dasar bahasa Arab.

b. Rangkang

Institusi *Rangkang* adalah lembaga pendidikan klasik di Aceh.¹²⁷ Ia sama taraf dengan sekolah rendah di Malaysia. Pada peringkat ini murid diajarkan kitab dengan bahasa Arab, dan beberapa subjek teras seperti: Tauhid, Fiqh, Tafsir, Hadis, dan lain-lain.¹²⁸

c. Dayah

Dayah berasal dari kata Zawiyah.¹²⁹ Di sini sudah mula diajar pelbagai jenis disiplin ilmu. Dalam kerajaan Aceh Darussalam terdapat ribuan Dayah di seluruh negeri dan ia terbahagi kepada dua jenis, antaranya:

i. Dayah Cut

Dayah Cut dapat disamakan dengan sekolah Tsanawiyah pada sistem pendidikan Islam moden. Adapun subjek teras yang diajarkan di sini seperti berikut: Fiqh, Tauhid, Bahasa Arab, Tasauf, Geografi, Ilmu Faraidh, dan Sejarah Tata Negara.¹³⁰

ii. Dayah Chik¹³¹

Dayah Chik setarap dengan perguruan tinggi Islam seperti halnya Zawiyah Cot Kala Perlak atau boleh juga disamakan dengan Ma'had Ali, bahkan ini

¹²⁷ *Rangkang* dalam bahasa Melayu bermaksud balai yang dibina dari pokok buluh, dijadikan sebagai tempat mengaji.

¹²⁸ *Ibid.*

¹²⁹ Dayah adalah sebuah institusi pendidikan tradisi. Di Indonesia disebut dengan Pesantren. Adapun di Semenanjung Tanah Melayu dan Patani di Selatan Thailand disebut dengan Pondok. Zawiyah yang kemudian disebut Dayah mengikut dialek Aceh berasal dari bahasa Arab yang membawa maksud satu sudut rumah atau ruang di mana Rasulullah mengajar para sahabatnya. Jadi asal kata Pondok bukanlah Punduq yang bererti hotel.

¹³⁰ *Ibid.* Lihat juga, Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h. 117.

¹³¹ Dayah Chik bermaksud Dayah Tinggi. Menurut bahasa Melayu dapat diertikan sebagai Perguruan tinggi.

merupakan perkembangan lanjutan dari Perguruan Tinggi Islam Perlak yang dikekalkan hingga ke masa Aceh Darussalam. Subjek yang diajar antaranya: Tauhid, Fiqh, Tafsir, Hadith, Tasauf, Sejarah Tata Negara, Falsafat, Ilmu Falak, atau Astronomi, Perbandingan Mazhab dan lain-lain.¹³²

d. Masjid

Masjid sebagai mana asalnya sebagai tempat beribadat juga berfungsi sebagai lembaga perguruan tinggi atau al-jami'ah yang hari ini dikenali dengan Universiti. Dalam kerajaan Aceh Darussalam pada masa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam terdapat beberapa buah masjid sebagai pusat pendidikan, antaranya masjid Baitul Karim, masjid Baitul Musyahadah dan yang paling terkenal sampai sekarang adalah masjid Baitur Rahman. Masjid ini dijadikan sebagai Universiti yang bertaraf antarabangsa. Ia dilengkapi dengan pelbagai disiplin ilmu dan guru-guru besarnya.¹³³

Selain ulama'-ulama' Aceh sendiri yang berkhidmat sebagai tenaga pengajar, juga di import dari luar negeri seperti dari Arab, Persia, India dan lain-lain. Dalam masjid Baitur Rahman terdapat pelbagai fakulti yang waktu itu diistilahkan dengan "Dar". Antara fakulti yang dimiliki oleh Baitur Rahman seperti berikut:

1. *Dar al-Tafsir wa al-Hadist* (Fakulti Ilmu Tafsir dan Hadist)
2. *Dar al-Tarikh* (Fakulti Ilmu Sejarah)
3. *Dar al-Hisab* (Fakulti Ilmu Pasti)
4. *Dar al-Siasah* (Fakulti Ilmu Politik)
5. *Dar al-Wizarah* (Fakulti Ilmu Pemerintahan)

¹³² Ibid.

¹³³ Ibid.

6. *Dar al-Akli* (Fakulti Ilmu Eksa kata)
7. *Dar al-Ahkam* (Fakulti Ilmu Hukum)
8. *Dar al-Zira'ah* (Fakulti Ilmu Pertanian)
9. *Dar al-Falsafah* (Fakulti Ilmu Filsafat)
10. *Dar Khazanah Bait al-Mal*(Fakulti Ilmu Perbendaharaan Negara)
11. *Dar al-Ardhi* (Fakulti Ilmu Pertambangan)
12. *Dar al-Nahwu* (Fakulti Ilmu Bahasa)
13. *Dar al-Mazahid* (Fakulti Ilmu Perbandingan Mazhab)
14. *Dar al-Harb* (Fakulti Ilmu Peperangan)
15. *Dar al-Thib* (Fakulti Ilmu Kedoktoran).¹³⁴

iii. Kota Santri¹³⁵ dan Intelektual

Kerajaan Aceh Darussalam yang mengutamakan ilmu pengetahuan dan pendidikan dan mampu melahirkan tokoh-tokoh ulama', sarjana santri, intelektual tidak berlebihan apabila diberi gelaran sebagai kota santri dan intelektual. Di sini dapat diterangkan beberapa sarjana dan ulama' terkenal dalam kerajaan Aceh Darussalam serta karya-karya mereka. Antaranya:

I. Syeikh Hamzah al-Fansuri.

Karya-karyanya:¹³⁶ 1. *Syarhul 'Asyiqin*. 2. *Asrārul 'Arifin fi Bayāni ilmi al-Sulūk wa at-Tawhīd*. 3. *Al-Muntahī*. 4. *Rubā'i Hamzah Fansuri*. 5. *Kasyfu Sirri Tajalli al-Shibyan*. 6. *Kitab fi Bayāni Ma'rifah*. 7. *Asrārul A'rifin*. 8. *Syair si*

¹³⁴ *Ibid.*, h. 214. Lihat juga, Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususunya Di Tanah Melayu*, h. 117.

¹³⁵ Santri bermaksud pelajar-pelajar yang belajar di Dayah/Pondok.

¹³⁶ Hj. Wan Muhammad Shaghir Abdullah (1996), *Tafsir Puisi Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 7.

Burung Pingai. 9. Syair si Burung Pungguk. 10. Syair Sidang Faqir. 11. Syair Dagang. 12. dan Syair Perahu.

2. Syeikh Syamsuddin al-Sumatrani

Karya-karyanya:¹³⁷ 1. *Tanbihul Ṭullāb fī ma`rifati Mulki al-Wahhāb*. 2. *Jawāhir al-Ḥaqāiq*. 3. *Risālat al-Bayyin Mułāḥazati Muwahħidīn a`la mutbadi fi zikrillah*. 4. *Kitābul Khirqah*. 5. *Nūr al-Daqāiq*. 6. *Mir`atu al-Ṭullāb*. 7. *Mir`atu al-Mukmin*. 8. *Syarah Mir`atu al-Qulūb*. 9. *Mir`atu al-Ḥaqīqah*. 10. *Mir`atu al-Muḥaqqaqīn*. 11. *Risālah Jawāmi` al-Amal*. 12. *Anwāru al-Daqāiq fī Kasfī Asrāri al-Raqāiq*. 13. *Dāiraul al-Wujūd*. 14. *Risālah kasfī Asrāri al-Wujūd*. 15. *Bayānu al-Qulūb*. 16. *Risālah pada menyatakan A`yān Thābitah*. 17. *Risālah Mustalīl Wujūd*. 18. *Risalah pada menyatakan kelebihan insan daripada sekalian alam yang lain*. 19. *Kasyfu al-sirri al-Rubūbiyyah fī Kamāli al-`Ubūdiyyah*. 20. *Risālah Masāil ilmi al-Ḥaqīqah*. 21. *Ḥaqīqah al-Ṣufi*. 22. *Ḥaqul al-Yāqīn fī `aqīdati al-Muḥaqqaqīn fī zikri asrāri al-Ṣufiyyīn al-Muḥaqqaqīn*. 23. *Syarah Rubā` Syiekh Hamzah al-Fansuri*. 24. *Tawḥīdu al-`Uqūd*.

3. Syeikh Nur al-Din Al-Raniry

Karya-karyanya:¹³⁸ 1. *Darāru al-fāraiḍ*. 2. *Tibyān fī ma`rifati al-Adyān*. 3. *Hujjatu al-Ṣiddīq*. 4. *Hilli al-Dhil*. 5. *Ma`al hayātiyi*. 6. *Akhbāru al-Akhīrah*. 7. *Al-Fawā'idu al-Bahiyyah*. 8. *Jawāhirul al-`Ulūm*. 9. *Fathu al-Mubīn*. 10. *Asrārul al-Insān*. 11. *Bad'u Khلالqi samāwai wa al-Ardi*. 12. *Sirāthu al-Mustaqīm*. 13. *Bustānu al-Salātin*. 14. *Laṭāiful al-Asrār*. 15. *Syifāu al-Qulūb*. 16. *Raḥīqu al-Muhammadīyyah*. 17. *Al-Lam'an fī al-Taffkīr*. 18. *Fathu al-Wujūd*. 19. *`Aynul Wujūd*. 20. *`Aynul Jawad*. 21. *`Aynul A'lam*. 22. *Awḍau al-Sabil wa al-Dalīl*. 23.

¹³⁷ Wan Muhammad Shaghir Abdullah (1999), *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, h. 45-46.

¹³⁸ Ibid., j.5, h. 7.

Awdaḥu al-Sabīl Laisa li Kamili al-Mulḥidīn takwīl. 24. *Syarāzu al-Mazīz.* 25. *Kaifiyatū al-Ṣalāh.* 26. *Tanbiḥu al-`Awām.* 27. *Hidāyatū al-Imān.* 28. *‘Alāqatu bi al-`Alam.* 29. *Aqīdatū al-Ṣufīyyah.* 30. *Nubzah fī al-Dakwah.* 31. *Qissah Iskandar Dhūlkarnain.* 32. *Muhimmatu al-`Itiqād.*

4. Syeikh Abdur Rauuf al-Fansury al-Singkily

Karya-karyanya:¹³⁹ 1. *Turjumānu al-Mustafid*, kitab tafsir dalam bahasa Melayu. 2. *Miratu al-Tullāb.* 3. *Umdatū al-Āḥkām.* 4. *Umādatū al-Muhtadi* ila sūluki *al-mufarradīn.* 5. *Kifayatū al-Muhtadī.* 6. *Hidāyatū al-Balīghah* ala juma`ati *al-Mukhasamah.* 7. *Bayān al-Rijāl.* 8. *Syair Makrifat.*¹³⁹

5. Syiekh Faqih Jalaluddin al-Asyīl

Karya-karyanya:¹⁴⁰ 1. *Hidāyatū al-`Awām.* 2. *Hujjatu al-Balīghah* `ala *Jam`ati Mukhassamah.* 3. *Asrāru al-Sūluk ilā Malāi al-Mulūk.* 4. *Manzaru al-Ajlā ilā Martabati al-`Ala.* 5. *Safīnatū al-Hukkam fī talkhīsil Khisām.*

6. Syeikh Muhammad Zain

Karya-karyanya:¹⁴¹ 1. *Kasfu al- Kirām.* 2. *Talkhīs al-Falāḥ fī Bayāni al-āḥkāmi Talāq wa al-Nikāh.* 3. *Ilmu Tawhīd.* 4. *Bidāyatū al-Hidāyah.* 5. *Risālah Dua Kalimah Syahadat.* 6. *Farā'iḍul Qur'ān.* 7. *Masālatu al- Farāid.* 8. *Bahās al-Do'a Hizbu al-Bahār.*

7. Syeikh Abbas Kuta Karang

Karya-karyanya: 1. *Qunū` Liman Ta'aṭuf.* 2. *Sirāju al-Zulām fī M'arifati al-Sa'adi wa al-Naḥāsi fī Syuhūri wa al-Ayyām.* 3. *Kitābu al-Rahmah.* 4. *Tazkiratu al-Rākīdīn.* 5. *Mau`iḍatū al-Ikhwān.*

¹³⁹ *Ibid.*, j. 11, h. 36-37.

¹⁴⁰ *Ibid.*, j. 6, h. 42-43

¹⁴¹ *Ibid.*, j. 7, 12, h. 4.

8. Syiekh Muhammad Bin Khatib Langein

Karya-karyanya:¹⁴² 1. *Dawāu al-Qulūb*. 2. *Asrāru al-Dīn li Ahli Yaqīn*. 3. *Mirajū al-Salikīn ila Martabati al-Waṣalīḥin bijāhi saidi al-Mursalīn*. 4. *Kullu uṣūl al-Muhaqqiqīn*. Selain daripada mereka terdapat ulama' seperti Syeikh Jalaluddin Tursani. Antara karya-karyanya:¹⁴³ *Safinatul Hukkām* dan *Hidāyatul 'awām*. Syiehk Jalaluddin Antara karyanya:¹⁴⁴ *Muḥḍarul Ajlā ilia Rutbatī 'ala*.

Selain yang disebut di atas banyak lagi ulama' Aceh yang juga berasal dari anak tempatan. Mengenai hasil karya-karya mereka serta sumbangannya dalam kejayaan Aceh Darussalam masih dalam penyelidikan para pecinta warisan khazanah alam Melayu. Antara ulama'-ulama' tersebut ialah:¹⁴⁵ 1. Syeikh Sirajuddin 2. Syeikh Daud al-Asyi 3. Syeikh Ismail Abdul Muthallib al-Asyi 4. Syeikh Jamaluddin 5. Syeikh Abdullah 6. Syeikh Burhanuddin dan lain-lain.

v. Melaksanakan hukum Islam dalam pemerintahan

Semenjak awal-awal lagi Sultan-sultan Aceh selalu berdampingan dengan para ulama'. Antara ulama' dan Sultan (Pemerintah) tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lainnya. Sultan Iskandar Muda pada masanya selalu didampingi oleh ulama', mereka menjadi penasihat kepada baginda. Selain itu, baginda menubuhkan satu lembaga yang disebut dengan "Balei Gadeng".¹⁴⁶ Sebuah

¹⁴² *Ibid.*, j. 11, h. 36-37.

¹⁴³ Ismail Suny (1980), *Bunga Rampai tentang Aceh.*, h.219.

¹⁴⁴ *Ibid.*

¹⁴⁵ *Ibid.*

¹⁴⁶ Balei dalam bahasa Melayu bererti Balai.

lembaga pemerintahan ulama' yang dianggotai oleh 22 orang ulama' terkemuka. Ia berbentuk sebagai Majlis Syura dalam struktur pemerintahan kerajaan.

Dengan berasaskan sistem pentadbiran sedemikian, unsur-unsur Islam dengan mudah dapat dipraktikkan dalam segala aspek pentadbiran kerajaan misalnya pelaksanaan hukum rejam ke atas Putera Iskandar Muda Raja Pupok kerana dituduh berzina dengan isteri salah seorang panglima kerajaan.¹⁴⁷ Para ahli sejarah mengatakan bahawa sistem pentadbiran Aceh Darussalam amat sempurna menurut ukuran zaman itu. Sultan Iskandar Muda telah menyempurnakan undang-undang dasar kerajaan dengan sangat tertib.¹⁴⁸

Dengan penyempurnaan semula undang-undang kerajaan, Sultan Iskandar Muda meluaskan lagi kemashurannya sampai ke India, Arab, Turki, Mesir, Belanda, Portugis, Spanyol, dan Tiongkok. Sebuah kata pepatah abadi dalam masyarakat Aceh menjadi tanda kebesaran baginda. Ungkapan pepatah tersebut iaitu "Adat bak Po Temeurehom, Hukum bak Syiah Kuala".¹⁴⁹

vi. Menggalakkan kegiatan dakwah

Kegiatan dakwah merupakan salah satu tugas seorang muslim untuk menyiarkan Islam ke seluruh masyarakat yang belum menerima Islam. Sultan

¹⁴⁷ A. Hasyimi (1972), *59 Tahun Aceh Merdeka Di Bawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 95.

¹⁴⁸ HAMKA (Edisi Baru), *op.cit.*, h. 913.

¹⁴⁹ Maksudnya adat di tangan Sultan Iskandar Muda yang diistilahkan dengan *Poteumerehom*. Hukum di tangan Syeikh Abdur Rauf yang diistilah sebagai *Syiah Kuala*. Lihat Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 313. Lihat juga, A. Hasyimi *et.al* (1978), "Bandungan Terhadap Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-kerajaan Islam Di Aceh", dalam Sinar Darussalam: Banda Aceh, 27 Jun 1978.

Iskandar Muda menggalakkan kegiatan dakwah. Baginda sangat besar peranannya dalam kegiatan dakwah ke seluruh Nusantara. Misalnya dengan mengirim ramai pendakwah dan menyediakan segala kemudahannya untuk menjalankan misi dakwah ke Kepulauan Melayu, Pulau Jawa hingga ke Filipina.¹⁵⁰

Antara ulama' dari Aceh yang menjalankan kegiatan dakwah ialah Syeikh Syamsudin Sumatrani, Hamzah al-Fansuri, keduanya pernah menjalankan dakwah Islamiah ke Tanah Melayu. Misi dakwah ini bukan hanya dijalankan oleh para ulama' tempatan tapi juga ikut serta ulama' yang berasal dari Arab, India. Mereka menjalankan kegiatan dakwah di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.¹⁵¹

vii. Menggalakkan perkembangan ilmu Tasauf

Semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda, perkembangan ilmu tasauf diberi galakan yang memuaskan. Oleh kerana itu, lahirlah pelbagai aliran ilmu tasauf di Aceh. Ia dapat dibahagikan atas dua aliran iaitu: Aliran *Wahdatul Wujud* iaitu suatu fahaman yang mengandungi unsur-unsur tasawuf dan falsafah¹⁵² yang dipimpin oleh Hamzah al-Fansuri dan Aliran *Wahdatu Syuhud* iaitu fahaman tasawuf berdasarkan teori kesaksian wujud di bawah pimpinan Abdul Rauf al-Fansuri. Kedua aliran tasauf ini masa itu tidak mendapat tentangan mana-mana

¹⁵⁰ Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di Tanah Melayu.*, h. 121.

¹⁵¹ *Ibid.*

¹⁵² Mahyudin Hj Yahya (t.t), *Sejarah Perkembangan Pemikiran Islam Dalam Konteks Alam Melayu: Iktibar Untuk Abad Akan Datang*. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 77.

pihak, sebab pengaruh ilmu tasauf begitu besar dalam penyebaran Islam ketika itu.¹⁵³

Ahli sejarah mengakui bahawa kitab-kitab tasauf banyak membantu pendakwah dalam penyebaran agama Islam. Sekalipun setelah pemerintahan Sultan Iskandar Muda aliran tasauf mula mendapat tentangan. Antara kitab-kitab tasauf yang dikeluarkan bagi membantu kegiatan dakwah: *Kitab Bayān al-Tajallī*, *Kitab Syarah al-'Asyiqin*, *Kitab Asrār al-'Arifin* dan *Kitab Jauhar al-Ḥaqāiq*. Selain kitab tasauf terdapat syair tasauf seperti Syair Ma'rifat, Syair Dagang, Syair Burung Pingai, yang juga hasil karya kedua-dua pemimpin aliran tersebut.

3.10. Sistem Pemerintahan

Organisasi dan sistem pemerintahan kerajaan-kerajaan Islam di Aceh mulai dari kerajaan Islam Perlak hingga ke kerajaan Aceh Darussalam banyak didasarkan kepada sistem pemerintahan Daulah 'Abbāsiyah yang berpusat di Baghdad. Ini disebabkan oleh kerana pengaruh para pendakwah Islam yang banyak datang daripada kerajaan 'Abbāsiyah. Ditambah lagi kerana kemunculan kerajaan Islam di Aceh masih dalam masa pemerintahan 'Abbāsiyah.¹⁵⁴ Buktinya Nakhoda Khalifah sampai ke Perlak pada masa Harun al-Rasyid khalifah kerajaan 'Abbāsiyah.

¹⁵³ Abdullah Ishak (1990), *op.cit.*, h. 118.

¹⁵⁴ Ali Hasyimi (1978), "Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh" (*Kertas Kerja Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh*, oleh Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh di Banda Aceh, Julai 1978), h. 4. Lihat juga, Arifin Amin *et.al* (1980), "Uraian Sekitar Kerajaan Islam Peureulak Aceh Timur" (*Kertas Kerja Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh dan Nusantara di Aceh Timur*, 25-30 September 1980), h. 29.

Adapun organisasi pemerintahan dalam kerajaan Aceh Darussalam sudah lebih baik menurut ukuran zaman itu berbanding dengan sistem dalam kerajaan Perlak yang banyak dipengaruhi oleh Baghdad. Namun dasar hukum bagi semua kerajaan itu adalah sama iaitu berpedoman kepada Quran, Hadis, Ijmak dan Qias.¹⁵⁵ Berdasarkan kepada kitab hukum *Kanun Meukuta Alam al-Asyi* karangan Tgk. Di Muleuk yang menjadi pedoman asas bagi kerajaan Aceh Darussalam menjelaskan sebagai berikut:

i. Ketua negara

Ketua negara dan pemerintahan dipimpin oleh Sultan. Baginda dibantu oleh tiga jabatan tertinggi negara dengan bidang masing-masing iaitu:¹⁵⁶

- a. Kadi Malikul Adil yang menjadi orang kedua dalam kerajaan.
- b. Setiausaha kerajaan yang bergelar Rama Setia Kerukon Katibul Muluk.
- c. Para Wazir atau menteri dengan jabatan sesuai bidang masing-masing.

ii. Lembaga Negara

Dalam lembaga kerajaan terdapat beberapa lembaga tinggi negara yang dijabat oleh pemimpin penting sesuai dengan posisi yang telah ditetapkan. Ini

¹⁵⁵ Hasyimi (1978), *op.cit.*, h. 4.

¹⁵⁶ Tgk Di Muleuk (t.t), *Kanun Meukuta Alam*. (t.p), h. 39-44. Kitab hukum ini nama lengkapnya *Kanun Meukuta Alam al-Asyi*. Ia adalah naskah tua tulisan tangan yang tidak diterbitkan. Lihat juga, Zakaria Ahmad (t.t), *Sekitar Kerajaan Atjeh Dalam tahun 1520-1675*. Medan: Penerbit Monora, h. 85-89; Ismail Sunny (1980), *op.cit.*, h. 208.

seperti mana yang telah dijelaskan oleh *Kanun Meukuta Alam al-Asyi*, sebagai berikut:¹⁵⁷

- a. *Balai Rong Sari*. Ia dipimpin oleh Sultan dan dibantu oleh Hulubalang empat dan Ulama tujuh.¹⁵⁸
- b. *Balai Majlis Mahkamah Rakyat*. Dipimpin oleh Kadi Malikul Adil dan dibantu oleh tujuh puluh tiga anggota.
- c. *Balai Gadeng*. Lembaga yang dipimpin oleh Wazir Mu'adham. Balai ini berbentuk kabinet.
- d. *Balai Furdhah*. Dijabat oleh seorang Menteri Sri Paduka. Sekarang sama dengan kementerian perdagangan.
- e. *Balai Laksamana*. Lembaga ini sama dengan kementerian Pertahanan yang dijabat oleh wazir Laksamana Amirul Harb.
- f. *Balai Majlis Mahkamah*. Lembaga kementerian Kehakiman yang dijabat oleh Sri Kaya Panglima Wazir Mizan.
- g. *Balai Baitul Mal*. Disebut juga kementerian Kewangan yang dijabat oleh Orang Kaya Sri Maharaja Bendahara Raja Wazir Dirham.

iii. Wazir-wazir Daulah

Selain gelar menteri dan kementerian yang telah disebut di atas, terdapat pula wazir yang disebut dengan wazir daulah atau menteri negara yang duduk di

¹⁵⁷ Tgk. Di Meulek (t.t), *op.cit.*, h. 47. Lihat juga, Ismail Sunny (1980), *op.cit.*, h. 210. Majalah Sinar Darussalam (Edisi 21 Jun 1978), Banda Aceh, h. 450. Al-Chaidar (1999), *Gerakan Aceh Merdeka: Jihad rakyat Aceh mewujudkan negara Islam*. Jakarta: Madani Press, h. 33-34.

¹⁵⁸ Ulama tujuh ialah tujuh orang ulama' setingkat Mufli yang menjadi penasihat kepada Sultan.

bawah kementerian tersebut dalam bidang tertentu. Mereka adalah sebagai berikut:¹⁵⁹

- a. *Wazir Maharaja Mangkubumi*. Beliau mengurus Hulubalang dan pemerintahan negeri-negeri. Ia disebut juga dengan kementerian dalam negeri.
- b. *Wazir Badlul Muluk*. Ia mengurus utusan-utusan dari luar negara. Ini istilah bagi kementerian luar.
- c. *Wazir Kun Diraja*. Ia mengurus urusan keraton atau istana juga merangkap sebagai syahbandar ibu negara.
- d. *Wazir Rama Setia*. Ia mengurus semua pendapatan pajak dan cukai di seluruh wilayah negara.
- e. *Wazir Sri Maharaja Gurah*. Ia memegang jawatan dalam bidang pertanian.

iv. Jawatan Pusat

Selain lembaga balai yang merupakan lembaga tinggi negara, masih ada juga lembaga balai tetapi bukan kementerian dan tidak dijabat oleh menteri tetapi ia hanya dipimpin oleh ketua lembaga tersebut, iaitu:

- a. *Balai Seutia Hukama*.¹⁶⁰ Dalam lembaga ini berkumpul semua Hukama dan para ahli fikir serta cerdik pandai untuk membahas tentang kurikulum pendidikan.

¹⁵⁹ Ali Hasyimi (1978), *op.cit.*, h. 11.

¹⁶⁰ Istilah *Balai* dalam sistem pemerintahan Aceh waktu itu ialah Dewan Perwakilan Rakyat samada di peringkat pusat ataupun peringkat negeri. Balai juga digunakan bagi majlis perhimpunan Ulama seperti *Balai Setia Ulama* dan *Hukama*.

- b. *Balai Seutia Ulama*. Disini berkumpul para ulama' bagi membahas masalah sistem pengajaran.
- c. *Balai Jemaah Himpunan Ulama*. Balai ini dapat dikatakan dengan *study group*. Di sini berkumpul ulama', sarjana Islam untuk membahas dalam bidang ilmu pengetahuan dan pendidikan.
- d. *Balai Ahli Siyasah*. Badan ini menangani isu-isu politik.
- e. *Balai Musafir*. Ia bagi melayani sektor pelancongan.
- f. *Balai Safinah*. Ia berfungsi sebagai biro pelayaran.
- g. *Balai baitul fakir-miskin*. Ini merupakan jawatan sosial.¹⁶¹

3.11. Mata Wang

Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh sejak dari Perlak lagi telah memiliki mata wang sendiri sebagai alat tukar dalam perdagangan. Pengkaji sejarah sebelumnya telah berpendapat bahawa mata wang pertama di Asia Tenggara ditemukan di Pasai. Namun penyelidikan selanjutnya menunjukkan mata wang yang ditemukan di bekas tapak kerajaan Perlak lebih tua daripada yang ditemukan di Pasai. Bermakna mata wang tertua di Asia Tenggara ialah mata wang Dirham

¹⁶¹ *Ibid.* Lihat juga, Ismail Sunny (1980), *Bunga Rampai tentang Aceh*, h. 210. Dalam sistem organisasi pemerintahan dalam kerajaan Aceh Darussalam selain Kitab Hukum *Kanun Meukuta Alam al-Asyi* sebagai pedoman terdapat juga kitab *Mir'atul Tullab* karangan Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri. Kitab *Safinatul Hukkam* karangan Syeikh Jalaluddin Tursany. Kitab *Hidayatul Imān* karangan Syeikh Nuruddin al-Raniry. Kesemua kitab pedoman ini adalah naskah tua tulisan tangan dalam huruf Arab. Satu lagi kitab iaitu *Khalq Bad'i samawati wal Ard'*, karangan Syeikh Nuruddin Al-Raniry, naskah tua yang pernah dicetak oleh percetakan Al-Babī wal Ḥalabi wa Aulādūhu, Kaherah, Mesir.

yang ditemukan di Perlak.¹⁶² Adapun jenis mata wang yang ditemukan di Perlak hingga ke hari ini ada tiga jenis, iaitu:¹⁶³

- i. Keueh
- ii. Kupang
- iii. Dirham

Ketiga-tiga jenis ini dipercayai telah menjadi mata wang rasmi kerajaan-kerajaan Islam di Aceh hingga ke masa kerajaan Aceh Darussalam. Mata wang *Keueh* diperbuat daripada timah. *Kupang* diperbuat daripada perak. Sedangkan *Derham* terbuat daripada emas.¹⁶⁴ Namun demikian mata wang rasmi kerajaan setelah Perlak terdapat ciri khas yang bertuliskan nama Sultan yang memerintah ketika itu, atau kata-kata yang melambangkan kerajaan. Misalnya pada masa Sultan Malik al-Saleh bertuliskan nama baginda sendiri atau *Malik al-Zahir* dan *al-Sultan al-'Adil*.¹⁶⁵ Begitu juga pada masa kerajaan Aceh Darussalam seperti bertuliskan "Berdaulat *Dhillullah fil 'Alam*". Kesemua ciri-ciri tersebut ditulis dengan huruf Arab.¹⁶⁶

¹⁶² Hasyimi(1980), "Sejarah Kerajaan Islam Perlak", (Kertas Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara, Aceh Timur 25-30 Sept 1980), h. 6-7.

¹⁶³ Arifin Amin *et.al.* (1980), "Uraian Sekitar Kerajaan Islam Perlak Aceh Timur", (Kertas Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara, Aceh Timur 25-30 Sept 1980), h. 9.

¹⁶⁴ Zainuddin (1961), *op.cit*, h. 71-74. Lihat, M.said (1961), *Atjeh Sepandjang Abad*, h. 52. Ibrahim Alfian (1979), "Mata Uang Emas Kerajaan-kerajaan Aceh", (Kertas Projek Rehabilitasi dan Perluasan Muzium Daerah Istimewa Aceh: Banda Aceh), h. 8-50. K.F.H Van Langen (t.t), *De Inheridhting van het Atjehche Be stuur het Sultanat*,(t.c), h. 47-55. A. Hasyimi (1978), "Sejarah Pemerintahan Selama Berdirinya Kerajaan-kerajaan Islam Di Aceh", Sinar Darussalam, h. 571-576.

¹⁶⁵ Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*., h. 71-74. Lihat. Teuku Ibrahim Alfian (1999), *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*. Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, h. 3-4.

¹⁶⁶ *Ibid.*

Sistem pembuatan mata wang emas ini tidak hanya diperkenalkan di Pasai sahaja tetapi ia turut diperkenalkan ke seluruh kerajaan Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1510 M, sisi mata wang Sultan Ahmad di Melaka dijumpai bertuliskan *al-adil* dan kerajaan Johor yang mengeluarkan mata wang sendiri bertuliskan *Malik al-zahir* keduanya terdapat pengaruh Pasai.¹⁶⁷ William L.S. Berret dalam bukunya *Brunei and Nusantara: History in Coinage* menyebutkan mata wang emas Samudera Pasai dan Aceh yang bertuliskan Arab pada kedua-dua sisinya adalah faktor dalam menciptakan mata wang timah Kerajaan Brunei Darussalam.¹⁶⁸

Sebagai mana telah diketahui bahawa pelabuhan Perlak, Pasai dan juga pelabuhan Krueng Aceh telah menjadi tumpuan ramai para pedagang sekaligus menjadi pelabuhan perdagangan terpenting pada ketika itu. Oleh itu sejak kerajaan Pasai, selain mata wang rasmi kerajaan juga dijumpai mata wang asing yang diakui menjadi alat tukar dalam perniagaan. Mata wang tersebut ialah “*Ketun*”.¹⁶⁹ Ia terus beredar hingga abad ke 16 M. Dalam abad yang sama pula terdapat sejenis mata wang yang popular dalam masyarakat Aceh dengan sebutan “*Ringgit Meuriang*”.¹⁷⁰ Menurut rekod sejarah, mata wang ini dipercayai berasal dari Sepanyol yang disebut dengan *Spaansche mat*.

¹⁶⁷ William Shaw and Md. Kasim Haji Ali (1970), *Malacca Coins*. Kuala Lumpur: Mezium Negara, h. 73.

¹⁶⁸ William L.S. Berret (1988), *Brunei and Nusantara: History in Coinage*. Bandar Seri Begawan: Brunei History Centre, h. 12.

¹⁶⁹ Zainudin (1961), *op.cit.*, h. 70-74.

¹⁷⁰ *Ibid.*

Satu lagi jenis mata wang yang menjadi alat tukar di Aceh ialah “*Koper*”. Ali Hasyimi yang mengutip kamus *Verklarend Handwoordenboek der Nederlandsche Taal*, karangan M.J Koenen, 1916 menjelaskan bahawa mata wang tersebut berasal dari Cyprus.¹⁷¹ Ia mata wang bangsa Romawi, berupa logam berwarna merah coklat yang atasnya berlukiskan ayam betina. Oleh kerana itu orang Aceh menyebutnya dengan *Duit Manok*.¹⁷² Kesemua jenis mata wang itu dibawa masuk ke Aceh menerusi hubungan perdagangan antarabangsa.

3.12. Wilayah Takluk Kerajaan Aceh

Seorang Guru besar di Clearment College, California Amerika, James Warren Gould, pangarang buku *The Americans in Sumatra* dan juga seorang ahli sejarah mengatakan”

Europeans could remember when Acehnese naval power had defeated the Portuguese, but even Aceh's power was declining. It had once held dominion over half of Sumatra (on the west coast as far as Indrapura nad the east as far as the Asahan River), but afterward its boundaries extended only to Batubara on the east and the Baros on the west".

Maksudnya Orang-orang Eropah pasti masih ingat ketika angkatan laut Aceh menghancurkan armada Portugis, meskipun kekuatan Aceh waktu itu sudah mulai menurun. Aceh pada suatu ketika telah mengembangkan kekuasaannya atas separuh pulau Sumatera (di sebelah pantai Barat sampai ke Indrapura dan di sebelah Timur sejauh sungai Asahan). Akan tetapi, beberapa waktu kemudian daerah yang dikontrolnya hanya terhad ke Batubara di Timur dan Baros di Barat.

¹⁷¹ *Ibid.*

¹⁷² *Ibid.*

Mengikut catatan sejarah tempatan dan luar negeri, antara negeri yang pernah menjadi daerah takluk kerajaan Aceh Darussalam pada masa jayanya iaitu masa Sultan Iskandar Muda ialah Rokan, Siak, Kampar, Aru, Deli, Tiku, Indrapura di bahagian Sumatera. Di Semenanjung Tanah Melayu pula Johor, Pahang, Kedah, Perak, Selangor, Pattani, dan Melaka.¹⁷³ Semuanya di bawah kekuasaan Aceh.

3.13. Diplomasi Aceh

Kebesaran kerajaan Aceh Darussalam di Asia Tenggara telah mempengaruhi kuasa-kuasa besar di dunia untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Aceh. Berdasarkan rekod sejarah, kerajaan Islam di Aceh telahpun menjalin hubungan ekonomi dengan negara-negara Islam di Timur Tengah seperti Mesir, Parsi, Mekkah, dan lain-lain. Hubungan dagang antara Arab dengan Nusantara ini sudah lama terjalin iaitu sebelum kedatangan Islam lagi. Hubungan yang sama juga terjalin dengan negara-negara di Eropah seperti Inggeris, Perancis, Belanda, Amerika, Spanyol dan lain-lain.

Ini selain hubungan dekatnya dengan kerajaan di Timur seperti Tiongkok dan kerajaan Asia lainnya. Namun, hubungan diplomatik dan kerjasama dengan negara-negara tersebut tidak semuanya berjalan lancar. Lebih-lebih lagi kerjasama dengan Eropah. Ini disebabkan ada sesetengah kuasa besar tersebut mempunyai tujuan tersembunyi, seperti hubungan diplomik dengan kerajaan Belanda. Pada

¹⁷³ Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di Alam Melayu*, h. 116. Lihat juga, Abdul Rahman Haji Abdullah (2002), *Sejarah & Tamadun Islam*, h. 353. HAMKA (1997), *Sejarah Umat Islam*, h. 917-919. Anthony Reid (1969), *The Contest For North Sumatera*, London: Oxford University Press, h. 3. Denys Lombard (1991), *Kerajaan Aceh Jaman Iskandar Muda 1607-1636*, Jakarta: Balai Pustaka, h. 132.

peringkat awal hubungan itu baik, tetapi berubah menjadi musuh besar Aceh apabila Belanda ingin mengusai Aceh dan Nusantara.

Kuasa-kuasa besar Eropah yang pernah menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan Aceh Darussalam berusaha menanamkan pengaruh masing-masing di Aceh bagi mendapat pengiktirapan Aceh dalam mencari keuntungan. Ini terbukti apabila mereka bersaing dalam memenopoli perdagangan di Nusantara. Sebahagian antara mereka bertujuan ingin menjalankan misi politiknya iaitu menjajah. Antara hubungan diplomatik penting seperti berikut:

i. Hubungan dengan Belanda

Tepat pada 21 Jun 1599 dua orang utusan Belanda iaitu Cornelis dan Frederick Houtman, keduanya adik beradik tiba di Banda Aceh Darussalam dengan misi mengadakan rundingan dengan Sultan Aceh dalam rangka menjalin hubungan diplomatik dan perdagangan. Delegasi Belanda ini gagal apabila mereka telah diprovokasi oleh Portugis. Kedaan ini menyebabkan Cornelis terbunuh dan adiknya Houtman tertawan di Aceh.¹⁷⁴

Bagi meredakan ketegangan ini, Prints Maurits atas nama pemerintah Belanda sekali lagi mengirimkan serombongan utusannya tahun 1600 M bagi mengadakan rundingan dengan Sultan Aceh. Delegasi ini dipimpin oleh Gerard de Roy dan Laksamana Laurens Bocker.¹⁷⁵ Dengan melupakan sejarah lalu Belanda

¹⁷⁴ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 118-126. Lihat juga, A.K. Jakobi (1998), *op.cit.*, h. 21.

¹⁷⁵ *Ibid.*, h. 126-133. A. K. Jakobi (1998), *Aceh Dalam Perang Mempertahankan Proklamasi Kemerdekaan 1945-1949 Dan Peranan Teuku Hamid Azwar Sebagai Pejuang.*, h. 21.

berhasil menjalin hubungan diplomatik dengan Aceh. Sebagai kunjungan balasan Aceh menghantar serombongan delegasi ke Belanda. Rombongan ini diketuai oleh Abdul Hamid, diiringi oleh Panglima Angkatan Laut Laksamana Muhammad, Mr. Hasan dan seorang penterjemah Leonard Warner. Ketua dilegasi meninggal di sana dan dikebumikan di Meddilburg.¹⁷⁶

Hubungan Belanda dengan Aceh membawa keuntungan yang sangat besar baginya, sebab Belanda pada waktu itu sedang berusaha melepaskan diri dari kerajaan Spanyol dan mencari dukungan internasional bagi mewujudkan kedaulatannya. Oleh itu, Aceh adalah negara pertama yang mengakui kedaulatan Belanda sebagai sebuah negara yang merdeka.¹⁷⁷ Tapi sayangnya Belanda jadi musuh besar Aceh di kemudian hari.

ii. Hubungan dengan Inggeris

Tidak lama setelah terjalin hubungan diplomatik dengan Belanda, pada tahun 1602 Ratu Elizabeth pula mengirim utusanya Sir James Lancaster menghadap Sultan Aceh.¹⁷⁸ Sementara misi yang dibawa Lancaster ialah menjalin hubungan persahabatan kedua-dua kerajaan. Hubungan Aceh dengan Inggeris lebih erat dan mesra berbanding hubungan diplomatik lainnya. Ini terbukti dari pernyataan dan penghormatan Inggris kepada Aceh dengan memanggil sultan Aceh “*kakandanya yang dicinta*”.

¹⁷⁶ Ibrahimy (1993), *Selayang Pandang Langkah Diplomasi Kerajaan Aceh*. Jakarta: P.T. Gramedia Widiasarana Indonesia, h. 2-3.

¹⁷⁷ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 126-133. Lihat juga, A. Hasyimi (1983), *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*. Jakarta: Penerbit Beuna, h. 104. Jakobi (1998), *op.cit.*, h. 22.

¹⁷⁸ Ibrahimy (1993), *Selayang Pandang Langkah Diplomasi Kerajaan Aceh*, h. 3. Muhammad Said (1961), *Ajeh Sepanjang Abad*, h. 133-141.

Kunjungan Inggeris ke Aceh mendapat penghormatan yang sewajarnya. Pihak Inggeris meletakkan Aceh atau *Kingdom of Acheen and Sumatera* sebagai saudaranya. Kedua-dua kerajaan ini terus menjalin hubungan politik dan perdagangan sampai ke abad berakhirnya kerajaan Aceh. Meskipun secara politik antara Inggeris dan Aceh sempat tegang di saat-saat Aceh menghadapi agresi-agresi bangsa asing lainnya.

iii. Hubungan dengan Perancis

Tak lama berselang setelah Belanda dan Inggeris menjalin hubungan diplomatik dan perdagangan dengan Aceh, Perancis pula ikut mengambil bahagian dalam rangka mengikat hubungannya dengan Aceh. Pada bulan Januari 1621 M Jeneral Beaulieu utusan kerajaan Perancis tiba di Aceh.¹⁷⁹ Hasrat Perancis ini terindikasi lebih kepada persaingan ingin merebut peluang perdagangan di Nusantara. Aceh waktu itu dikenal dengan gudang lada (*the pepper coast*) di bahagian Utara kira-kira 75 Km dari wilayah Trumon hingga ke Daya.¹⁸⁰ Selain itu Aceh juga dikenal dengan daerah pinang (*betel nut coast*) di sebelah Timur.

Banyak wilayah di Eropah yang mengimport lada dari Aceh. Antaranya Salem, Boston, New York, Marblehead, Baltimore, Philadephia dan lain-lain. Menurut Nur el-Ibrahim dalam bukunya *Diplomasi Kerajaan Aceh*, bahawa masa itu harga eksport lada rata-rata 4.7 sen U\$ per poun.¹⁸¹ Persaingan kurang

¹⁷⁹ Ibrahimy (1993), *op.cit.*, h. 4-7.

¹⁸⁰ *Ibid.*

¹⁸¹ *Ibid.*

sihat yang ditunjukkan oleh Perancis dalam monopoli perdagangan lada waktu itu, telah menyebabkan hubungan Aceh-Perancis tegang dalam masa begitu lama.

Pada masa pemerintahan Sultan Sultan 'Alaiddin Jauhar Alam Syah (1217 –1245 H/1802–1830 M) hubungan diplomatik kembali dibangunkan. Kedua-dua kuasa itu menjalin semula hubungan mereka pada tahun 1825 M. Ini terbukti apabila Aceh mengirimkan utusannya iaitu Tengku Said Muhammad Kadir ke Perancis bagi menghadiri penobatan Napoleon III sebagai Kaisar Perancis.¹⁸²

iv. Hubungan dengan Amerika

Meskipun Amerika turut memainkan peranannya dalam percaturan perdagangan di Aceh, namun secara diplomasi terjalin pada abad ke 18 M, iaitu dengan dibuatnya satu draf perjanjian persahabatan (*Treaty of Friendship*) yang diadakan di konsulnya di Singapura. Menurut keterangan James Warren Gould, draf perjanjian persahabatan tersebut masih utuh tersimpan di Department Luar Negeri Amerika, No.107, 4 Oktober 1873, Singapore Vo. II di New York Washington D.C.¹⁸³

Hubungan persahabatan dengan Amerika ini dapat dikategorikan sebagai terbaru dalam hubungannya dengan negara-negara luar masa itu. Sebahagian ahli sejarah berpendapat bahawa draf perjanjian tersebut tidak sempat ditandatangani dengan secara rasmi oleh kedua-dua pihak. Ini kerana Aceh harus segera menghadapi ancaman perang yang telah dikumandangkan oleh pihak Belanda

¹⁸² *Ibid.*

¹⁸³ *Ibid.*

pada tanggal 26 Mac 1873 M. Walau demikian hubungan kedua-dua negara tetap berjalan dengan baik hingga Aceh memasuki era peperangan panjang dengan Belanda yang disusuli oleh kedatangan Jepun.

v. Hubungan dengan Turki

Kerajaan Turki yang mengikat hubungan baik dengan Aceh ketika itu adalah kerajaan Turki Uthmaniyah. Ia merupakan salah sebuah kerajaan Islam sebagai pewaris dari kerajaan Islam sebelumnya. Kerajaan ini juga dapat dikatakan sebagai kerajaan Islam pelanjut sejak negara Islam pertama didirikan oleh Rasulullah s.a.w di Madinah, diikuti oleh kerajaan Bani Umayyah dan 'Abbāsiah. Hubungan Aceh dan Turki telah terjalin sejak Aceh masih diperintah oleh Sultan 'Ali Ri'ayat Syah al-Qahhar (1537-1568).¹⁸⁴

Turki ketika itu diperintah oleh Sultan Salim II. Ini terbukti apabila dalam angkatan perang Aceh terdapat 400 askar dan 400 meriam buatan Turki. Kerajaan Aceh yang sedang menghadapi musuh tradisinya Portugis di Melaka, Sultan Turki mengirim 40 perwira pakar atileri untuk membantu Aceh. Turki dengan Aceh, kedua-duanya saling mengadakan kunjungan muhibbah pada masa Aceh diperintah oleh Sultan Mansor Syah (1579-1586).¹⁸⁵ Kerjasama politik dan ketenteraan ini bertambah erat apabila kerajaan Turki yang merupakan pelanjut negara khalifah memberikan kehormatan kepada Aceh dengan memakai bendera

¹⁸⁴ Siti Hawa Haji Salleh (penyelegara 1992), *Bustan Al-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 2; Lihat juga, Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 274. HAMKA (1997), *op.cit.*, h. 905.

¹⁸⁵ *Ibid.*

kebesaran Turki. Pada masa Sultan Iskandar Muda puncak kebesaran Aceh hubungan kedua-dua kerajaan Islam tersebut semakin sempurna.

Seorang Panglima perang Aceh iaitu Panglima Nya'k Dum menjadi orang penting dalam ketenteraan Turki. Berdasarkan catatan sejarah, di Aceh dijumpai meriam Turki yang diberi nama oleh orang-orang Aceh "Meriam Lada Sicupak".¹⁸⁶ Ia menunjukkan sebagai tanda bahawa Turki cukup banyak membantu persenjataan untuk Aceh dalam usahanya menentang Portugis di Melaka khasnya dan Nusantara amnya. Hubungan Turki dengan Aceh tidak hanya sebatas hubungan diplomatik sahaja tetapi banyak orang-orang Turki menjadi penduduk tetap di Aceh. Ini menjadi kenyataan bahawa di Aceh terdapat perkampungan orang-orang Turki.¹⁸⁷

vi. Hubungan dengan Rusia

Berkaitan dengan ancaman Belanda (V.O.C) terhadap kedaulatan kerajaan, Aceh semakin kuat mengadakan hubungan diplomasi diperingkat antarabangsa. Satu lagi diplomasi diadakan dengan Rusia. Hubungan ini terjalin dengan tiba-tiba setelah beberapa pakar mekanik Aceh memperbaiki sebuah kapal Clipper 'Vsadnik milik Rusia yang berlabuh di Penang. Kapten Novoselky menghadap Tsar Alexander II Kaisar Rusia bagi membincang hubungan baik mesti diadakan dengan Aceh di Asia Tenggara.¹⁸⁸

¹⁸⁶ Ibid.

¹⁸⁷ Ibid.

¹⁸⁸ Vsevolod Kretovsky (2000) "In Expedition with Admiral Stepan lesovsky", dalam Majallah Echo Of The Planet. Edisi, 27 Oktober-02 November 2000, Moscow.

Ini menjadi peluang baik bagi Aceh dalam mencari bantuan dan sokongan menghadapi pejajah Belanda. Pihak Aceh dalam hubungannya dengan Rusia yang baru bermula itu segera mengajukan permintaan kepada Rusia untuk membantu Aceh menentang Belanda. Kaisar Rusia segera mengadakan mesyuarat tergempar membincangkan permintaan Aceh tersebut. Namun hasil keputusan musyuarat parlimennya permintaan itu tidak dapat dipenuhi. Ini kerana Rusia saat itu harus menjaga hubungan diplomatiknya dengan Belanda yang telah terjalin begitu lama. Walaupun demikian hubungan mereka tidak terjejas. Sebaliknya Aceh telah memperkenalkan dirinya kepada Eropah bahawa ia sebuah tamadun Islam di Asia Tenggara.¹⁸⁹

Hubungan kerajaan Aceh dengan kuasa-kuasa politik yang disebut di atas merupakan gambaran singkat sistem politiknya di peringkat internasional. Ini selain dari ikatan kerjasama Aceh antara kerajaan Islam dan bukan Islam di Asia Tenggara. Ahli sejarah mencatat bahawa Aceh sangat mengambil berat dengan sistem politik luarnya. Anthony Reid dalam bukunya *The Contest For North Sumatra* meletakkan satu bab khusus tentang diplomasi Aceh iaitu "Atjehnese Diplomacy 1873".¹⁹⁰ Sementara Dr. Ismail Suny dalam bukunya *Bunga Rampai Tentang Aceh* mengklasifikasikan bahawa langkah diplomasi Aceh ada empat jenis:¹⁹¹

- i. Diplomasi Kancil. Kemudiannya di Aceh dikenal dengan system "Tipe Aceh" terhadap diplomasi antarabangsa.

¹⁸⁹ *Ibid.*

¹⁹⁰ Jakobi (1998), *op.cit.*, h 24.

¹⁹¹ Ismail Suny (1980), *Bunga Rampai Tentang Aceh*. Jakarta: P.T. Al-Ma'arif, h. 209.

- ii. Diplomasi *Meubisan*. Ini satu diplomasi klasik, iaitu diplomasi menerusi perkawinan politik seperti perkawinan Raja Melaka dengan Puteri Pasai.
- iii. Diplomasi Kekuatan. Ia lebih banyak bertumpu kepada kekuatan senjata atau dikenal dengan diplomasi militer.
- iv. Diplomasi Ekonomi. Kekuatan ekonomi merupakan penentu bagi mencapai pengaruh politik dan kemajuan negara.

Keempat sistem diplomasi tersebut dijalankan oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1630) dalam melaksanakan dasar politik luarnya. Dengan dasar luarnya yang kuat baginda mampu menyekat pengaruh Kristian dari penjajah Barat. Pada masanya tak ada kuasa luar yang berhasil menanam pengaruh kolonialisme mereka di Aceh dan Nusantara secara keseluruhannya.

3.14. Peperangan

Peperangan yang dimaksudkan di sini ialah peperangan yang meletus antara kerajaan Aceh Darussalam dengan kuasa luar yang bertindak sebagai kolonialisme terhadap Nusantara ini. Peristiwa perang tersebut bermula apabila Pusat Tamadun Islam di Melaka jatuh ketangan Portugis. Ia meletus sebaik sahaja Sultan 'Ali Mughyat Syah mendeklarasikan berdirinya kerajaan Aceh Darussalam. Sebagai mana telah dijelaskan bahawa hasrat utama Sultan ialah mengusir Portugis dari Nusantara ini. Untuk itu langkah pertama ialah memberi

amaran kepada kerajaan-kerajaan kecil di bawah federasi Aceh akan bahayanya Portugis bagi mereka dan sekitarnya.¹⁹²

3.14.1. Perang Portugis

Setelah Portugis dapat menduduki Melaka pada tahun 1511, menyebabkan kestabilan kehidupan masyarakat Nusantara terganggu. Portugis dengan sistem diskriminasinya telah mengakibatkan ekonomi dan perdagangan Nusantara merosot. Oleh kerana itu banyak saudagar-saudagar asing yang dahulunya berdagang dengan aman di Melaka pindah ke pelabuhan strategik di perairan Aceh, terutamanya Pasai di Aceh Utara. Melihat perkembangan di Pasai, Portugis kemudian mengalihkan pandangan mereka ke sana untuk menanamkan pengaruhnya.¹⁹³

Pasai dengan hak otonominya menerima kedatangan Portugis untuk berdagang di sana. Pada saat yang sama pula mereka menawarkan bantuan ke pada Pasai bagi menyelesaikan krisis politik dalaman yang sedang berlaku. Dengan itu mereka mendapat keuntungan ganda iaitu dapat mendirikan pangkalan di sana dan campur tangan dalaman Pasai.¹⁹⁴ Oleh kerana itu Sultan Ali Mughyat Syah memberi amaran kepada pihak Pasai agar memutuskan segera hubungannya dengan Portugis dan mengusir mereka keluar dari Pasai. Namun Pasai tidak

¹⁹² Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 89-99.

¹⁹³ *Ibid.*

¹⁹⁴ *Ibid.*

mengindahkan amaran tersebut. Aceh mengambil langkah tegas iaitu melancarkan serangan ke Pasai bagi menyekat pengaruh Portugis.¹⁹⁵

Dapat disimpulkan di sini bahawa motif penyerangan Aceh ke atas Pasai ialah kerana ancaman Portugis, bukan kerana ingin menjatuhkan saudaranya sebagai mana yang didakwa oleh sebahagian ahli sejarah. Buktinya Aceh Darussalam tidak pernah melancarkan perang terhadap wilayah federasinya itu sebelum kedatangan Portugis. Pada tahun 1523, Portugis dapat disingkirkan dari bumi Pasai. Kejayaan ini merupakan titik awal bagi perkembangan kuasa politik Aceh di bawah Sultan Ali Mughayat Syah. Dengan demikian Portugis gagal mengusai Aceh. Walau mereka terusir dari Pasai, tetapi permusuhan Aceh dengan Portugis terus berlanjut.

Pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1697-1630), beberapa serangan besar-besaran dilancarkan ke atas Portugis di Melaka. Pertama pada tahun 1615 M, tetapi Portugis mendapat bantuan Goa, Pahang, Johor, Pattani, sehingga Aceh tak dapat menewaskan Portugis.¹⁹⁶ Kali kedua dilancarkan pada 1629 M, kali ini Aceh mendapat bantuan persenjataan dan ketenteraan daripada kerajaan Turki, namun serangan ini juga gagal kerana Portugis dibantu oleh Johor, Pahang, Pattani, Perak dan lain-lain.¹⁹⁷ Walau demikian Portugis tidak berhasil menanamkan pengaruh Kristian di Nusantara sebab dihalangi oleh Aceh sehingga mereka terusir dari bumi Nusantara.

¹⁹⁵ *Ibid.*

¹⁹⁶ Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 306-307.

¹⁹⁷ *Ibid.*

3.14.2. Perang Tiga Segi

Peristiwa ini berlaku antara tiga kuasa politik yang sedang berkuasa di Nusantara ini, iaitu Portugis, Johor dan Aceh. Ketiga kuasa ini sentiasa bermusuhan dan saling menjatuhkan satu sama lain. Pihak Johor berperang dengan Portugis kerana ingin mendapatkan kembali Melaka. Sebaliknya Portugis menyerang Johor kerana ingin mengusai selat Melaka. Pihak Aceh berperang dengan Johor kerana Johor sanggup bersekongkol dengan musuh yang berlainan agama dan akidah. Di lain pihak Portugis bekerjasama dengan Johor bagi menentang kuasa Aceh di Melaka. Peristiwa ini terjadi sebaik sahaja Melaka jatuh ke tangan Portugis tahun 1511.

Sebenarnya kebangkitan Aceh selepas jatuhnya kerajaan Melayu Melaka ke tangan Portugis menjadi tebusan atas kekalahan bangsa Melayu itu sendiri. Tetapi Johor sentiasa mencari kuasa-kuasa lain yang dapat membantunya bagi menentang Aceh sekalipun kuasa-kuasa itu berlainan agama dan akidah. Namun apabila diteliti dengan lebih jauh, perang Aceh dengan Johor tidak akan berlaku seandainya ia tidak membantu Portugis. Kalau Johor bekerjasama dengan Aceh dalam menentang Portugis di selat Melaka mungkin permusuhan itu tidak akan lahir. Sebaliknya apabila Aceh tidak mengusir Portugis di Melaka, mungkin wajah Semenanjung Tanah Melayu sudah bertukar corak.

Peperangan yang memakan masa hampir seratus tahun ini dan tidak menguntungkan mana-mana pihak bermula kerana Johor bekerjasama dengan Portugis dan menyerang Aceh lebih awal iaitu 1540. Sehingga Aceh terpaksa

menyerang Johor pada 1564 dan 1582. Setelah Portugis angkat kaki dari Melaka peperangan tidak terjadi lagi antara kerajaan Johor dengan Aceh. Ini menunjukkan Aceh berperang dengan kuasa politik Tanah Melayu hanya kerana ancaman Portugis sahaja, bukan atas nama menjajah kerajaan Tanah Melayu.

3.15. Zaman Kemerosotan

Kebesaran kerajaan Aceh Darussalam di bawah pemerintah agung Sultan Iskandar Muda, menjadikan ia sebuah Empayar terkuat di Asia Tenggara. Namun setelah kemangkatan baginda pada tahun 1636 M, Aceh sedikit demi sedikit mengalami era kemerosotan. Sultan Iskandar Muda digantikan oleh Sultan Iskandar Thani. Baginda ini tidak secekap Mahkota Alam, dan tidak mampu mengembalikan kebesaran dan keagungan Aceh. Sikap lunak baginda dan kurang mengambil berat tentang masalah politik menyebabkan wilayah takluk Aceh mengambil kesempatan untuk membebaskan diri.

Satu persatu wilayah yang berada di bawah pemerintahan Aceh di Semenanjung Tanah Melayu melepaskan diri. Hal ini diikuti oleh wilayah-wilayah lain di Sumatera. Kemerosotan kuasa Aceh atas Tanah Melayu lebih ketara lagi saat Aceh diperintah oleh beberapa orang Ratu. Kelemahan Aceh jelas sekali saat ia dipimpin oleh wanita. Tetapi bukan disebabkan wanita itu sendiri membawa kemerosotan, sebab kepemimpinan mereka berjalan dalam waktu yang cukup lama dan bertahan. Namun kelemahan itu lebih disebabkan faktor dalaman dan ancaman pihak asing yang semakin kuat.

3.15.1. Era Pemerintahan Ratu

Lembaran sejarah tentang kejayaan dan kemunduran kerajaan Aceh Darussalam tidak hanya di tangan lelaki sahaja. Tetapi sejarah telah merekodkan bahawa wanita di Aceh mempunyai kedudukan setaraf dengan lelaki. Selama enam puluh tahun lebih Aceh diperintah oleh beberapa orang Sultanah atau Ratu secara berturut-turut. Ia dimulai dari tahun 1641 hingga 1699 M.¹⁹⁸ Srikan-di-srikandi tersebut yang memerintah kerajaan Aceh ialah:¹⁹⁹

- i. Sultanah Sri Ratu Tajul 'Alam Safiatuddin Syah (1050-1086 H/1641-1675 M)
- ii. Sultanah Sri Ratu Nurul 'Alam Nakiatuddin Syah (1086-1088 H /1676-1678 M)
- iii. Sultanah Sri Ratu Zakiatuddin Inayat Syah (1088-1099 H/1676-1688 M)
- iv. Sultanah Sri Ratu Kamalat Diathuddin Syah (1099-1111 H/1688-1699 M)

Bermula apabila Sultan Iskandar Thani berpulang kerahmatullah pada tahun 1641 M, maka beliau digantikan oleh Permaisurinya. Muhammad Said dalam bukunya *Atjeh Sepanjang Abad* menjelaskan bahawa ia suatu sejarah yang dapat dibanggakan, sebab ia jarang dijumpai dalam sejarah nasional lainnya.²⁰⁰ Apalagi kenaikan Ratu-ratu tersebut dalam keadaan politik dalaman yang tidak stabil, di mana pembesar-pembesar kerajaan saling memperebutkan jabatan dan juga pengaruh V.O.C²⁰¹ yang semakin kuat di Nusantara ketika itu. Saat itulah

¹⁹⁸ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 191-192.

¹⁹⁹ Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 406-409.

²⁰⁰ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 192.

²⁰¹ V.O.C (Vereenigde Oost-Indische Compagnie), Kompeni Belanda yang ditubuhkan 1602.

Tajul 'Alam Permaisuri Sultan Iskandar Thani, Puteri Iskandar Muda naik tahta.²⁰²

Beliau mampu memerintah Aceh selama 34 empat tahun. Suatu tempoh yang panjang bagi seorang wanita sebagai pemimpin. Kecuali Ratu Elizabeth dari kerajaan Inggeris tidak terdengar kegemilangan seorang perempuan seperti Tajul 'Alam. Ahli sejarah tempatan dan luar negeri menggambarkan kebijaksanaan menarik tentang kehebatan Ratu dalam memerintah kerajaan. Kalaupun sejarah kegemilangan dan kejayaan Aceh tidak dapat dikembalikan seperti pada masa Sultan Iskandar Muda, bukan bermakna kemunduran itu disebabkan kepemimpinan wanita. Kerana memang kedaan kerajaan waktu dalam keadaan tidak stabil.²⁰³

Tanggungjawab yang dipikul oleh Ratu-ratu itu sangat berat. Setelah Tajul 'Alam meninggal dunia, digantikan oleh Sultanah Nurul 'Alam Nakiatuddin Syah. Peristiwa penting yang terjadi pada masa pemerintahan Ratu ini adalah terbakarnya masjid Baitul Rahman, masjid negara kebanggaan rakyat Aceh. Sangat disayangkan dalam peristiwa hitam ini turut terbakar sebahagian istana kerajaan yang mengakibatkan benda purbakala dan dokumentasi sejarah musnah terbakar. Dalam buku *Tawarich Raja-raja Atjeh* dijelaskan bahwa pada masa pemerintahan Ratu Nurul 'Alam suatu sistem federasi dijalankan. Sistem ini

²⁰² Siti Hawa Haji Salleh (1992), *op.cit.*, h. 63. Lihat juga, Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 192; Yunus Djamil (1968), *op.cit.*, h. 46.

²⁰³ *Ibid.*

dikenal dengan "Aceh Tiga Segi". Ia terdiri atas tiga Mukim, iaitu mukim XXII, mukim XXV, dan mukim XXVI.²⁰⁴

Perubahan ini bagi memberikan hak otonomi kepada daerah-daerah yang disebut dengan mukim. Ini merupakan salah satu sistem demokrasi yang pernah dijalankan di Aceh, ia lebih awal daripada di Eropah bahkan saat itu di Eropah belum ada demokrasi. Beliau dapat memerintah hanya dalam tempoh dua tahun, lalu meninggal dunia pada 23 Januari 1678 M. Tampuk pemerintahan digantikan oleh Puterinya iaitu Sultanah Sri Ratu Zakiatuddin Inayat Syah (1678-1688 M). Beliau merupakan Ratu ketiga dalam kerajaan Aceh.²⁰⁵

Meskipun pengangkatan wanita sebagai wali negara ditentang keras oleh sebahagian ulama' yang menurut mereka dalam Islam tidak sah wanita jadi pemimpin, namun keupayaan mereka telah menjadi catatan sejarah yang begitu penting. Kecuali itu, baginda Ratu mendapat kunjungan kehormatan dari Syarif Mekkah bagi menyaksikan sendiri perkembangan kerajaan di bawah pemerintahan perempuan. Ternyata kepemimpinan wanita ini sangat baik menurut zaman itu. Ratu yang terakhir dalam kerajaan Aceh ialah Sultanah Sri Ratu Kamalat Diatuddin Syah 1688-1699 M.

Sejak awal lagi kedudukan Sultanah tersebut didampingi oleh para ulama'. Antaranya Syeikh Nuruddin al-Raniry dan muridnya Syeikh Abdur Rauf al-Fansuri. Ulama' besar inilah yang menjadi rujukan dalam segala hal yang

²⁰⁴ Yunus Djamil (1968), *Tawarikh Raja-raja Kerajaan Atjeh*, h. 47.

²⁰⁵ *Ibid.*

menyangkut pendatiran negara. Banyak kitab karangan ulama' tersebut yang menjadi dasar hukum dalam kerajaan Aceh Darussalam.²⁰⁶

Analisis sebahagian ahli sejarah mengatakan bahawa penyebab kemunduran kerajaan Aceh Darussalam ialah kerana yang menjadi raja adalah wanita. Dakwaan ini mungkin dilihat dengan banyak negeri-negeri di bawah Aceh yang melepaskan diri, seperti Perak di Semenanjung Tanah Melayu dan juga beberapa negeri di Sumatera. Semua ini terjadi dalam masa Aceh diperintah oleh para Ratu.²⁰⁷ Menurut pengkaji yang menjadi faktor utama melemahnya kerajaan Aceh waktu itu ialah krisis politik dalam kerajaan dan ancaman penjajah asing yang semakin kuat di Nusantara.

Seandainya kekacauan dalam tidak wujud, keamanan dan kestabilan politik akan terjamin. Selain dari kerajaan Aceh, kerajaan British juga diperintah oleh wanita seperti Ratu Elizabeth. Tetapi status kerajaan tetap kuat. Ini disebabkan jarang berlaku pertikaian politik dalam kerajaan. Maka dapat disimpulkan wanita bukanlah penyebab utama kemunduran sesebuah kerajaan. Melainkan ia disebabkan oleh ketidakstabilan politik sehingga menjelaskan ekonomi sebagai tonggak kerajaan.

²⁰⁶ *Ibid.*, h. 48

²⁰⁷ *Ibid.*

Sebenarnya tentang peranan wanita di Aceh telah bermula sejak kerajaan Perlak lagi, yang mana Puteri Nurul 'Ala pernah menjadi menteri kewangan kerajaan Perlak.²⁰⁸ Pada masa pemerintahan Sultan 'Alauddin Ria'yat Syah Saidi Mukammil (997-1011 H/1589-1604 M) Aceh telah memiliki Angkatan Laut Wanita dengan 2000 ribu askarnya di bawah pimpinan Srikandi Aceh iaitu "Laksama Kemala Hayati".²⁰⁹ Bahkan jauh sebelum itu, dalam kerajaan Aceh Darussalam dalam Dewan Rakyat terdapat wanita yang menjabat beberapa jabatan penting dalam pemerintahan. Oleh itu, dalam kontek politik di Aceh kedudukan wanita sama taraf dengan kedudukan kaum lelaki.

3.15.2. Perang Belanda

Setelah 300 tahun Belanda berhasil menduduki wilayah-wilayah di Pulau Jawa dan beberapa wilayah lain di Nusantara, Aceh masih tetap sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Hubungan diplomatik dengan negara luar yang telah dibina turun temurun masih berjalan dengan baik. Oleh yang demikian Belanda yang telah menguasai hampir seluruh Nusantara ini, tidak puas hati dengan kerajaan Aceh Darussalam. Berbagai usaha dilakukan untuk berunding dengan Sultan Aceh, tetapi gagal. Pada 26 Mac 1873 Belanda menyatakan perang terhadap Aceh. Tindak lanjut dari pernyataan tersebut, pada 1 April 1873, F.N. Nieuwenhuijzen, wakil Presiden Dewan Hindia Belanda yang berpusat di Batavia

²⁰⁸ Arifin Amin et.al. (1980), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh.*, h. 42-56. Lihat juga, Hasyimi et. al. (1980), *Sejarah Kerajaan Islam Perlak.*, h.19.

²⁰⁹ Yunus Djamil (1968), *op.cit.*, h. 45.

(sekarang Jakarta) dari sebuah kapal Cidatel wan Anrwerpen mengumumkan bahawa kerajaan Aceh Darussalam akan diserang.²¹⁰

Kondisi kerajaan Aceh waktu itu dalam keadaan tidak menguntungkan, di mana Aceh diperintah oleh seorang Raja yang masih sangat muda, yakni Sultan Mahmud yang berusia sekitar 16 tahun waktu itu. Beliau naik tahta pada tahun 1870. Selain itu, perpecahan dalaman antara pembesar Aceh saling memperebutkan kuasa semakin terbuka. Semua ini kerana Sultan yang masih sangat muda tidak memiliki kewibawaan untuk menanganinya.²¹¹ Kelemahan lain disebabkan berkurangnya persenjataan dan juga sistem pertahanan yang semakin menurun.

Sementara itu kerajaan Inggeris tidak lagi merasa bertanggungjawab untuk melindungi kedaulatan Aceh dari ancaman Belanda seperti yang telah disepakati dalam *Tractat London* tahun 1819 yang lebih dikenal dengan “*Raffles of 1819*”.²¹² Ini disebabkan Inggeris telah menandatangani satu perjanjian dengan pihak Belanda yang dikenal dengan *Tractat Soematra* pada tahun 1871.²¹³ Salah satu butiran perjanjian tersebut bahawa Inggeris membiarkan tindakan agresif Belanda bagi meluaskan kekuasaanya di Sumatera. Menurut rekod sejarah, latar belakang perjanjian ini kerana Belanda telah memberikan Ghana tanah jajahannya di Afrika kepada Inggeris.

²¹⁰ Muhammad Said (961), *op.cit.*, h. 399-400.

²¹¹ Zulhendri Abdullah (2001), *Internal Conflict and State Making: Fatalisme Dunia Ketid?*, Jakarta: t.p., h. 352-383..

²¹² Ibrahimy (1993), *op.cit.*, h. 2-21.

²¹³ Hasan Di Tiro (1985), *op.cit.*, h. 5. Lihat juga, Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, h. 59-61.

Namun kelemahan yang digambarkan di atas sama sekali tidak melemahkan semangat pejuang Aceh menentang pencerobohan penjajah Belanda. Ini dapat dibuktikan di mana agresi Belanda yang pertama yang dipimpin langsung oleh Jeneral J.H.R. Kohler dapat dipukul mundur dengan memalukan. Kohler sendiri tewas di depan masjid Baiturrahman Banda Aceh.²¹⁴ Peristiwa hitam ini sangat mengejutkan seluruh dunia Barat. Kerana kemunduran Aceh adalah kemunduran dunia Timur. Tetapi di luar jangkaan bahawa tentera negara Barat dengan persenjataan yang canggih menurut masa itu dapat dikalahkan oleh bangsa Aceh.²¹⁵

Profesor Rickles dalam bukunya *A History of Modern Indonesia* menggambarkan “baru sekarang kaum kolonialis berhadap-hadapan muka dengan lawan yang paling kaya, paling beraturan dan berdisiplin, paling lengkap bersenjata dan paling keras sifat merdekanya”. Majalah-majalah Barat dan Timur waktu itu turut menyatakan peristiwa tersebut. Media berpengaruh Amerika *The New York Times* menulis tajuk “Aceh”. Antaranya menyebutkan:

“Sekarang boleh dikatakan sudah dimulai pendidikan kepada keturunan Kristian yang baru. Segera akan diketahui umum bahawa bangsa Aceh bukanlah tidak pandai berfikir, tetapi mereka adalah bangsa Islam yang baik sekali dan bangsa pahlawan. Segera akan diketahui bahawa mereka, seperti musuh mereka sekarang, juga mempunyai tanah jajahan mereka sendiri pada suatu masa, dan ada suatu waktu mereka begitu kuat hingga dapat mengepung armada Portugis di kota Melaka. Begitu juga akan menjadi pengetahuan umum bahawa pada suatu masa, sultan Aceh adalah sahabat karib dari Raja Inggeris, James I yang pernah memberikan dua meriam besar kepada saudaranya Aceh. Meriam-meriam itu sekarang turut mempertahankan istana pengantinya di Sumatra”²¹⁶.

²¹⁴ Muhammad Said (1961), *op.cit.*, h. 418-419.

²¹⁵ Hasan Di Tiro (1985), *The Case and the Cause of National Liberation Front of Aceh-Sumatra*. Goteborg August 23, 1985., h. 5.

²¹⁶ *Ibid.*

Bila dilihat dari sudut faktor kurangnya perlengkapan persenjataan dan pertahanan di Aceh ditambah lagi dengan perpecahan yang terjadi antara elit politik serta menurunnya dukungan antarabangsa, sepatutnya Aceh sudah jatuh ketangan Belanda. Namun pada kenyataannya semua itu bukan penentu bagi rakyat Aceh. Rasa patriotisme yang telah sekian lama terbentuk membuat semangat jihad rakyat Aceh melawan setiap agresi Belanda dan agresi asing lainnya. Hanya dengan kekuatan itulah rakyat bangun menentang kaum penjajah propesional yang memiliki persenjataan moden.²¹⁷

Perlawanan rakyat Aceh menentang Belanda yang hanya memiliki semangat jihad membuat perang tersebut perang terdahsyat dalam sejarah kolonialis Belanda. Paul van't Veer penulis berbangsa Belanda dalam bukunya *Perang Aceh menyebutkan*"

*Tidak pernah Belanda melakukan perang yang lebih besar daripada perang di Aceh.*²¹⁸ *Dalam hal lama berlangsungnya, perang ini dapat dibandingkan dengan perang delapan puluh tahun. Dalam hal jumlah orang yang tewas (lebih seratus ribu jiwa) perang ini sebagai peristiwa ketenteraan yang tiada bandingannya di negeri kita".*

Paul van't Veer menegaskan bahawa perlawanan rakyat Aceh bukan hanya sebuah peperangan panjang tetapi juga pengorbanan untuk sebuah bangsa. Dia menyebutkan, pada tahun 1914 sahaja 70.000 nyawa rakyat Aceh telah melayang untuk itu, belum lagi termasuk 500.000 orang yang luka. Paul van't Veer juga menjelaskan bahawa perang ini berlangsung sejak tahun 1873 sampai tahun 1942

²¹⁷ Muhammad Said (1968), *op.cit.*

²¹⁸ Paul Van't Veer (1985), *Perang Aceh: Kisah Kegagalan Snouck Hurgronje*, (terj). Jakarta: Grafiti Press, h. vii.

iaitu ketika Belanda angkat kaki dari bumi Aceh menjelang kedatangan Jepun.²¹⁹

Kerajaan Belanda tidak pernah dapat mengusai Aceh.²²⁰

Setelah tujuh puluh tahun Belanda tidak dapat menguasai Aceh dan terpaksa keluar dari bumi Aceh, mereka kembali ke Batavia (sekarang Jakarta) sebagai pusat pemerintahannya. Cengkraman Belanda ke atas wilayah Hindia Belanda tetap berjalan mesti dalam keadaan lemah hingga rakyat Hindia Belanda mengistiharkan kemerdekaannya pada 15 Ogos 1945. Hindia Belanda ditukar kepada Indonesia.

3.15.3. Perang Jepun

Perang yang berkepanjangan dengan Belanda, telah membuat Aceh mengalami kemerosotan dalam segala bidang. Situasi politik kerajaan Aceh Darussalam lumpuh setelah pihak Belanda berhasil menawan Sultan 'Alauddin Muhammad Daud Syah, Sultan terakhir yang meninggal pada tahun 1939 di Jakarta.²²¹ Antara 1939-1945 Aceh dalam masa transisi, yakni selama enam tahun tersebut kerajaan Aceh tidak ada Sultan. Dapat dikatakan dalam masa singkat itu adalah penentu timbul dan tenggelam kerajaan Aceh Darussalam.

Dalam pada itu, perang dengan Belanda terus berlanjutan. Ulama'-ulama' bangun memimpin perlawanan menentang musuh. Dalam keadaan tersebut seperti itu, tentu apa saja yang dapat dijadikan bantuan, ia akan sangat berharga.

²¹⁹ *Ibid.*

²²⁰ Ilfian Ibrahim (1997), *Perang Kolonial Belanda di Aceh*. Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, h. 53. Lihat juga, A. Hasyimi (1976), *Peranan Islam dalam Perang Aceh dan Perang Kemerdekaan Indonesia*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 46.

²²¹ Lihat Majalah *Sinar Darussalam*, Edisi Jun 1978, h. 444.

Kesempatan itupun tiba, apabila Jepun di sebalik tujuan kotornya menyatakan sudi membantu Aceh mengusir penjajah Belanda. Oleh itu, kedatangan Jepun ke Aceh disambut dengan baik. Tetapi keadaan bertukar, apabila tindakan Jepun lebih dahsyat dan kejam daripada penjajahan Belanda.²²² Maka untuk kesekian kalinya rakyat Aceh bangun kembali berperang menentang penjajah Jepun.

Era kedatangan Jepun ke Aceh ialah era perang dunia ke II. Krisis politik pada masa perang Dunia II membawa dampak negatif ke seluruh penjuru dunia, termasuk Asia Tenggara. Menjelang Februari 1942, tentara Jepun mendarat di Asia Tenggara dan bermarkas di Singapura.²²³ Jepun dengan segera mendekati pemuda-pemuda Aceh yang berada di Malaya. Pemuda Aceh yang sangat berambisi ingin mengakhiri penjajahan Belanda menganggap Jepun sebagai kekuatan penyelamat bagi Aceh. Sebuah himpunan Anak Sumatera di Malaya dibentuk di bawah pimpinan Said Abu Bakar.²²⁴

Pemuda-pemuda Aceh yang dikatakan jaringan pemuda PUSA (Persatuan Ulama Se-Aceh) giat berlatih di bawah bantuan Jepun, tidak hanya itu pemuda Aceh mewujudkan satu pergerakan yang dinamakan dengan gerakan "F".²²⁵ Jepun dengan liciknya mengatakan bahawa mereka adalah "*saudara tua*" bagi Aceh. Tanpa rasa curiga Jepun dengan jaringan pemuda Aceh berhasil mendarat di Aceh. Sesampainya di bumi Aceh Jepun merekrut anak-anak Aceh untuk dilatih

²²² Amran Zamzami (1990), *Jihad Akbar di Medan Area*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 18. Lihat juga, Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, h. 94.

²²³ Jakobi (1998), *op.cit.*, h. 85.

²²⁴ Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, h. 90.

²²⁵ Huruf "F" yang dijadikan nama gerakan adalah diambil dari nama Ketua Perisikan Jepun iaitu *Fujiwara Iwan hi*.

dalam latihan militer Jepun. Kumpulan militer Jepun dibentuk seperti *Heiho*, *Tokebetsu Kaisatsutay*, *Kai Gun* dan juga *Gyu Gun*.

Doktrin Jepun terhadap rakyat Aceh yang mulai memaksa dan biadab dirasai oleh rakyat Aceh. Sikap Jepun yang tidak manusiawi semakin malahirkan kebencian rakyat terhadap Jepun. Rakyat Aceh sedar bahawa kedatangan Jepun tidak mendukung kepentingan Aceh bagi menguatkan kembali kedaulatanya secara *de facto*. Rupanya tujuan Jepun melatih pemuda-pemuda Aceh untuk mengisi keperluan ketenteraan Jepun bagi menguasai dan menjajah Nusantara. Sejak itu timbul pepatah di Aceh” *Ta picrok Bui jiteka Asey*”. Maksudnya kita kejar babi (Belanda) datang anjing (Jepun). Kedua-duanya sama-sama haram.²²⁶

Kebiadaban Jepun terhadap rakyat Aceh semakin ganas. Dengan sistem *Romusha*,²²⁷ rakyat Aceh dipaksa bekerja, ribuan nyawa melayang, menderita sakit dan kelaparan. Rakyat diperlakukan seperti sapi perah, mereka harus menjalani kerja paksa dalam keadaan lapar dan sakit. Melihat kekejaman penjajah ini, rakyat bangun angkat senjata mengusir Jepun dari bumi Aceh. Tengku Abdul Jalil Cot Plieng salah seorang pimpinan Dayah Bayu, Aceh Utara bersama dengan pengikutnya bangun menentang Jepun. Berdasarkan sejarah, Tgk Abdul Jali dan 104 pengikut beliau syahid dalam pertempuran tersebut. Masjid dan Dayah musnah menjadi abu. Pihak Jepun 72 serdadunya tewas di Cot Plieng.²²⁸

²²⁶ Al-Chaidar (1999), *op.cit.*, h. 94.

²²⁷ *Romusha* ialah satu istilah doktrin Jepun di Asia, yang bermaksud kerja paksa.

²²⁸ *Ibid.*

Perang Aceh-Jepun berlangsung selama tiga tahun lebih. Jepun mengalami kekalahan dalam perang ini. Bom Atom yang dijatuhkan Amerika di Nagasaki dan Hiroshima 6 dan 9 Ogos 1945 menjadi pukulan hebat terhadap kuasa politik Jepun di Nusantara.²²⁹ Dalam keadaan ini rakyat Aceh tidak memberi ampun kepada Jepun, akhirnya pada 3 Disember 1945 tentara Jepun angkat kaki dari bumi Aceh. Untuk sementara waktu setelah Jepun kalah, Aceh bebas dari dua bentuk penjajahan. Namun perjuangan mereka belum selesai.

3.15.4. Berita Terakhir Tentang Aceh

Belum lagi sempat beristirahat dari keletihan perang sepanjang abad dengan Belanda dan Jepun, Aceh kembali menyiapkan pasukan untuk membantu cita-cita tanah jajahan kolonial Belanda iaitu Indonesia. Rakyat Aceh terlalu baik hati apabila permintaan atas nama Islam. Mereka rela mengorbankan nyawa, harta benda dan sebagainya asalkan ia demi Islam. Sukarno atas nama bangsa Indonesia datang ke Aceh menemui Tengku Muhammad Daud Beure-eh.²³⁰ Ketika itu beliau adalah tokoh karismatik Aceh. Sukarno meminta Aceh membantu Indonesia mengusir Belanda yang masih berkuasa di Indonesia.

Pemimpin Indonesia tersebut menjanjikan apabila Indonesia merdeka ia akan dijadikan sebuah negara Islam berdasarkan syariat. Aceh bakal menjadi wilayah pertama yang melaksanakan hukum Islam yang telah dinanti-nantikan. Dengan janji manis Sukarno, Aceh bukan hanya mengorbankan nyawa yang

²²⁹ *Ibid.*

²³⁰ Ibrahimy (2001), *Peranan Tgk. M. Daud Beure-eh dalam Pergolakan Aceh*. Jakarta: Media Dakwah, h. 77.

banyak bahkan mengumpulkan dana membeli dua buah pesawat terbang iaitu Seulawah 001 dan Seulawah 002, dihadiahkan untuk Indonesia demi memudahkan perhubungan dalam rangka mencapai kemerdekaannya.²³¹

Rakyat Aceh dengan semangat jihad turun lagi ke medan pertempuran menentang penjajah sampai Indonesia diproklamirkan sebagai sebuah negara merdeka pada 17 Ogos 1945. Ulama', pejuang, dan rakyat ikut merasa gembira atas kemerdekaan ini dengan harapan rakyat akan dapat melihat syariat Islam berjalan di Aceh. Dengan itu mereka akan hidup aman dan damai, tidak ada lagi penjajahan di bumi Aceh dan Nusantara keseluruhan. Rupanya keadaan sebaliknya, Sukarno ingkar janji. Indonesia tidak diistiharkan sebagai negara Islam. Sangat menyakitkan lagi Aceh ikut dicantumkan ke dalam wilayah Indonesia, sehingga pada hari ini masalah Aceh menjadi masalah politik yang belum selesai.

Pengkhianatan inilah yang menyebabkan timbulnya pemberontakan di kemudian hari. Inilah detik-detik kehilangan kerajaan Aceh Darussalam di Sumatera. Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa kerajaan Aceh Darussalam berakhir pada tahun 1945. Inilah perjalanan panjang sejarah kerajaan-kerajaan Islam di Aceh. Untuk mengingat semula siapa sahaja Sultan-sultan Aceh, pengkaji sertakan jadual silsilah Raja-raja Aceh.²³² Lihat Lampiran XI.

²³¹ *Ibid.*, h. 43-49. Lihat juga, DINAS P & K PRO. D.I. ACEH (1985), *Sejarah Perjuangan Rakyat Aceh: Dalam Perang Kemerdekaan 1945-1949*. Banda Aceh: Dinas P&K, h. 281-282.

²³² Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 302-421. Lihat, Yunus Djamil (1961), *op.cit.*, h. 37-54.